

Bil. 17

**Selasa
13 November 2018**



MALAYSIA

**LAPORAN PROSIDING
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Mengenai:

**Pengurusan Marina Awam
(Jabatan Laut Malaysia / Suruhanjaya Pelabuhan
Pulau Pinang) di bawah
Kementerian Pengangkutan**

- **Kementerian Pengangkutan
Malaysia:**
 - Yang Berbahagia Dato' Saiful
bin Lebai Hussien, Ketua Setiausaha.

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 13 NOVEMBER 2018**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

| | |
|---|-----------------------------|
| YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] | - <i>Pengerusi</i> |
| YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | - <i>Timbalan Pengerusi</i> |
| YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] | |
| YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] | |
| YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] | |
| YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] | |
| YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] | |
| YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah | - <i>Setiausaha</i> |

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Y.Bhg. Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Audit (Prestasi)]
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Susulan Audit]
Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit]
Puan Maszura binti Hassan [Penolong Pengarah Audit]
Puan Juliana binti Shariman [Penolong Pengarah Audit]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Peguam Negara**

Y.Bhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara

Cik Qamarul Munirah binti Mohammed Yunus [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]

SAKSI**Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)**

Y.Bhg. Datuk Seri Saripuddin bin Kasim [Ketua Setiausaha]
Kapten Mohamad Halim bin Ahmed [Setiausaha Bahagian Maritim]
Encik Abdul Haris bin Lakar [Setiausaha Bahagian Pembangunan]
Cik Siti Umainah binti Abd Aziz [Penolong Setiausaha (Bahagian Maritim)]

Jabatan Laut Malaysia

Y.Bhg. Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid [Ketua Pengarah]
Encik Mohd Azhan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah (Unit Pembangunan, Jabatan Laut Malaysia)]
Puan Wan Norhayati binti Wan Ibrahim [Pegawai Laut (Unit Pembangunan, Jabatan Laut Malaysia)]
Puan Nor Suria binti Mustafa [Pegawai Laut (Unit Pembangunan, Jabatan Laut Malaysia)]

Unit Kerjasama Awam Malaysia (UKAS)

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan I), Unit Kerjasama Awam Malaysia (UKAS), Kementerian Kewangan]
Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor [Pengarah Infrastruktur II, Unit Kerjasama Awam Malaysia (UKAS), Kementerian Kewangan]

samb/-

SAKSI (samb/-)**Unit Perancang Ekonomi (EPU)**

Puan Suriyani binti Ali [Timbalan Pengarah Seksyen Infrastruktur dan Kemudahan Awam (Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi)]

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian

Encik Abdul Wahid bin Abu Salim [Timbalan Ketua Pengarah (SPO) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli]

Encik Mohd. Ariff Farizal bin Mat Ariffen [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Harta Tanah Persekutuan (BHTP)) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan]

Majlis Perbandaran Manjung

Y.Bhg. Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip [Yang Dipertua]

Encik Mohamad Ali bin Ariffin [Pegawai Perancang Bandar]

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Puan Monaliza binti Suhaimi [Pemangku Pengurus Besar]

Puan Norlida Saad binti Md Saad [Pengurus Marin dan Kargo Berbahaya]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 13 November 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Jabatan Audit Negara kerana saya dimaklumkan akan memberi taklimat kepada kita tentang prosiding yang akan kita buat selepas ini, *the latest development, the latest status on the marina awam*. Saya— ramai di hadapan kita daripada Jabatan Audit Negara yang akan memberi taklimat. Untuk tidak melengahkan masa saya jemput Yang Berbahagia Tuan Haji Khalid Khan bagi mewakili Jabatan Audit Negara.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), Jabatan Audit Negara]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi PAC. Yang saya hormati Tuan Pengerusi PAC dan juga Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pada petang ini daripada Jabatan Audit Negara kita akan membentangkan iaitu laporan audit yang telah dilaporkan dan dibentangkan di Parlimen mengenai Kementerian Pengangkutan Malaysia iaitu pengurusan marina yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri I, tajuknya Pengauditan Terhadap Pengurusan Marina Awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli PAC, projek marina awam ini merupakan sebuah projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan melibatkan dua agensi pelaksana iaitu Jabatan Laut Malaysia dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Pada asalnya Mesyuarat Jemaah Menteri bulan November tahun 2000 telah membuat keputusan untuk melaksanakan promosi bagi menggalakkan industri kapal rekreasi di Malaysia melalui pembangunan infrastruktur asas bagi pendaratan kapal.

Susulan itu kerajaan telah meluluskan sejumlah RM323.1 juta bagi membina 11 buah marina awam di seluruh Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Terdapat dua objektif utama pembinaan marina iaitu untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi dan untuk menggalakkan aktiviti *yachting* dan pelancongan marin di negara ini. Pengauditan yang

dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah untuk menilai sama ada pengurusan marina awam telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Secara umumnya hasil pengauditan menunjukkan objektif pembangunan marina awam tidak berjaya dicapai sepenuhnya kerana hanya lima iaitu 45.4 peratus daripada 11 marina yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam, manakala tiga marina telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan baki tiga marina tidak beroperasi.

Untuk makluman Tuan Pengerusi serta Ahli-ahli PAC, bagi memudahkan prosiding ini dijalankan dan pertanyaan bersama Ketua Setiausaha Kementerian, saya ingin menyatakan beberapa perkara penting berhubung LKAN. *Just to highlight to you a few important findings, I think which can be pursuit during the proceeding. Firstly,* projek ini secara umumnya tidak berjaya mencapai objektif untuk menarik pelayar iaitu telah memberi kesan yang signifikan kepada hasil kerajaan sedangkan kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar iaitu RM300 juta lebih tadi.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian sewajarnya mempunyai hala tuju yang jelas sama ada untuk meneruskan pengurusan marina ini atau mencadangkan satu alternatif baharu antaranya menyerahkan kepada pihak swasta. *Those are suggestion from us because the sustainability to maintain this marina is in question.* Bagaimanapun ia memerlukan satu kajian yang komprehensif sebelum dipertimbangkan.

Kedua, dalam kajian ini juga dibangkitkan mengenai projek yang mewujudkan pembaziran wang awam sejumlah RM61.55 juta apabila Marina Kuala Kedah yang tidak pernah beroperasi sejak disiapkan dan Marina Pulau Mentagor yang tidak pernah dikunjungi pelayar. Adalah wajar satu siasatan yang menyeluruh dijalankan.

Ketiga, adalah dari segi tahap keselamatan negara. Semua marina yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara yang masih beroperasi menunjukkan kawalan yang lemah terhadap pelayar warganegara asing yang tiba di marina memandangkan marina awam tidak diwartakan sebagai pintu masuk, maka tiada pegawai imigresen yang bertugas secara tetap. Para pelayar yang tiba bebas untuk bergerak ke mana sahaja. Mereka tidak dipantau dengan SOP yang jelas.

Perkara keempat adalah mengenai kawalan kutipan hasil di mana kita amat tidak berpuas hati dengan kutipan di mana kadarnya dan juga kawalan dalaman dalam kutipan juga ada dibangkitkan dalam laporan ini. Perkara yang saya bangkitkan ini mungkin boleh menjadi asas kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC untuk membangkitkan pertanyaan ketika sesi bersama KSU kementerian selepas ini. Saya rasa untuk tujuan petang ini, mungkin elok bagi pihak kita meng-*highlight those point that I mention, the four important weakness* ataupun *findings major and significant findings. I think we need to highlight to you*

through the cases that we have gone through during the audit and untuk tujuan ini saya hendak mempersilakan *my team* lah ya.

Saya tadi tidak memperkenalkan. *Can give me the opportunity* sedikit Tuan Pengerusi. *On my right*, Puan Yusnani Zakaria; Pengarah Audit Prestasi Bahagian III yang *in charge* dengan kajian, sebelah kanan Puan Yusnani adalah Encik Saiful Ketua Pasukan Audit dan seterusnya sebelah kiri saya Tuan Haji Zaki; Pengarah Bahagian Susulan Audit dan juga pegawai daripada Bahagian Susulan Audit.

Untuk makluman Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kita telah mencadangkan beberapa isu yang melibatkan penemuan kita di bawa kepada Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara yang kemungkinan di *take up as punitive* punya *issues* dan juga yang di peringkat Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JSK) di peringkat JPA dan itu statusnya. Sekarang tanpa melengah saya ingin menjemput Encik Saiful untuk memberi sedikit taklimat mengenai kes-kes yang kita telah jumpa semasa pengauditan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berbahagia Tuan Haji Khalid Khan; Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), yang saya hormati Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC. So saya akan meneruskan pembentangan pada petang ini.

Pertama adalah berkenaan dengan prestasi operasi marina awam. Berdasarkan semakan Audit hanya lima daripada 11 buah marina awam yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam, manakala tiga daripadanya telah diserahkan kepada APMM dan bakinya tiga telah tidak beroperasi akibat daripada kerosakan yang serius pada pontun.

Ini adalah senarai-senarai marina yang beroperasi di mana kita ada Marina Kuching, Melaka, Batu Uban, Pulau Indah, Pulau Tioman manakala yang tidak beroperasi iaitu di Tanjung City Marina Pulau Pinang, Marina Muar, Johor dan juga Pulau Mentagor iaitu di Perak. Tiga marina yang telah diserahkan kepada APMM iaitu di Marina Kuala Kedah, Marina Tanjung Pengelih dan juga Marina Tanjung Gemok.

Dari segi aspek penyediaan infrastruktur, kita dapati bahawa di tujuh marina awam yang dipilih mendapati infrastruktur asas seperti kemudahan pendaratan, *slipway access*, dataran kejut, boya penambat dan bangunan pentadbiran yang dibangunkan di setiap marina adalah berbeza-beza. Tiada justifikasi teknikal disediakan semasa peringkat perancangan. Ini boleh memberi kesan kepada tahap perkhidmatan kepada pelayar. Selain itu Audit juga mendapati Jabatan Laut tidak menetapkan apa-apa sasaran ataupun *key performance indicator* bagi operasi marina untuk membolehkan penilaian terhadap prestasi operasi dilaksanakan.

■1510

Dari segi rekod ketibaan dan pelepasan kapal iaitu di bawah pengurusan operasi, sebenarnya dari segi penyeliaan marina ini, Jabatan Laut menggunakan iaitu borang MSS1 dan MSS2 yang dikenakan secara manual. Semakan Audit di empat buah marina awam yang masih beroperasi mendapati terdapat kelemahan dalam pengurusan borang ini seperti borang tidak diisi dengan lengkap dan borang tidak difailkan dengan teratur. Apa yang berlaku, kelemahan ini boleh menyebabkan bilangan sebenar kapal yang berlabuh di marina tidak dapat disahkan yang akhirnya menyebabkan pencapaian sebenar operasi marina tidak dapat diukur serta penemuan hasil tidak dapat disahkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berusaha Timbalan Ketua Audit Negara tadi.

Isu yang berikutnya adalah dari segi kawalan keluar masuk warganegara asing. Kita mendapati semakan Audit di empat buah marina awam yang masih beroperasi mendapati tiada kawalan diwujudkan untuk memastikan semua pelayar ini melaporkan diri di pejabat imigresen. Jabatan Laut juga tidak mempamerkan sebarang notis supaya pelayar ini melaporkan diri ke dalam pejabat imigresen. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada semua pelayar warganegara asing ini telah melaporkan diri di pejabat imigresen terdekat yang mana ia boleh menjejaskan tahap keselamatan negara kita.

Isu berikutnya adalah dari segi pengurusan kapal terbiar. Pengurusan kapal terbiar adalah penting supaya ia tidak menghalang laluan keluar masuk kapal, di samping dapat menyediakan kawasan *berthing* yang kondusif. Lawatan Audit di Marina Kuching mendapati terdapat dua kapal terbiar sejak tahun 2014, di Marina Pulau Indah Selangor pula terdapat tujuh kapal yang pemiliknya tidak dapat dikenal pasti. Kelemahan dalam pengurusan kapal terbiar ini boleh memberi imej yang kurang baik kepada marina khususnya dan Jabatan Laut secara amnya. Di samping itu juga boleh menyebabkan kerugian hasil apabila *berthing* tidak dapat digunakan oleh kapal lain.

Berikut adalah isu berkenaan dengan program penyenggaraan. Program penyenggaraan ini sebenarnya adalah amat penting supaya setiap marina berada di tahap yang baik dan boleh digunakan oleh pelayar. Semakan Audit mendapati tiada sebarang program penyenggaraan disediakan oleh Jabatan Laut bagi kesemua empat marina awam yang masih beroperasi. Lawatan Audit mendapati ada kemudahan yang rosak dan tidak dapat digunakan seperti kerosakan pontun, infrastruktur bekalan air dan elektrik tidak boleh digunakan, kerosakan CCTV dan *bilge water reception facility* tidak dapat digunakan. Kerosakan *bilge water* ini juga memberi kesan kepada tahap pematuhan penjagaan alam sekitar. Kelemahan ini boleh menyebabkan kerosakan akan menjadi lebih serius dan kos pembaikan menjadi lebih tinggi.

Isu berikutnya adalah dari segi reka bentuk pemecah ombak. Sebenarnya struktur pemecah ombak yang baik adalah penting supaya kawasan lembangan marina ini sentiasa dalam keadaan tenang dan tidak berombak. Namun begitu, semakan Audit di Marina

Melaka, kita dapati bahawa pihak kerajaan telah memperuntukkan RM13.24 juta bagi pembinaan pemecah ombak. Namun begitu, terdapat kelemahan pembinaan dengan wujudnya ruang antara *spun pile* ini pada pemecah ombak yang melebihi 100mm. Kelemahan ini diatasi dengan memasang paip UPVC iaitu bila berlaku —*mitigation* ini di dalam tempoh DLP lagilah. Namun begitu, paip UPVC ini telah tercabut dan ombak telah memasuki kawasan lembangan marina. Akibatnya, berlaku kerosakan pada pontun dan tidak selamat untuk kapal bertambat.

Manakala isu di Tanjung City Marin, Pulau Pinang, struktur pemecah ombak adalah menggunakan *fully floating breakwater* yang mana ia merupakan cadangan oleh perunding semasa kajian hidraulik dilaksanakan. Cadangan ini juga telah diluluskan oleh pihak EPU semasa permohonan perubahan reka bentuk daripada penggunaan *composite breakwater*. Namun begitu, *fully floating breakwater* ini tidak berupaya melindungi marina dengan sepenuhnya daripada masalah ombak dan alun. Akibatnya, berlaku kerosakan pada struktur pemecah ombak dan pontun. Akhirnya, semua pontun telah diangkat keluar dari marina dan disimpan di Dermaga Butterworth pada tahun 2013.

Isu berikutnya adalah dari segi kedalaman. Kedalaman sesebuah marina ini adalah amat penting supaya kapal layar dapat memasuki ke kawasan lembangan dengan selamat. Berdasarkan panduan oleh satu institut di Eropah, kedalaman minimum adalah antara 2.7 meter hingga 3 meter. Namun begitu, semakan Audit bersama pihak Jabatan Laut di Marina Kuching, kita dapati bahawa kedalaman keseluruhan kawasan lembangan adalah antara 1.14 meter hingga 4.98 meter. Manakala di Marina Melaka, kedalaman hanyalah sekitar 0.3 meter hingga 1.3 meter. Sepanjang tahun 2015 hingga 2017 juga, tiada kerja pengerukan dijalankan di marina yang dilawati.

Selain daripada itu, Jabatan Audit Negara juga menilai dan melihat dari segi aktiviti promosi yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Laut kerana aktiviti promosi ini adalah penting supaya kemudahan marina yang dibina oleh kerajaan dapat disebar dan boleh menarik pelayar datang. Semakan Audit mendapati Jabatan Laut ada mempamerkan maklumat marina ini di laman sesawang Jabatan Laut. Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak diletakkan di muka hadapan laman sesawang Jabatan Laut dan ia hanya menyatakan maklumat asas sahaja.

Selain itu, tiada sebarang aktiviti promosi yang dijalankan oleh Jabatan Laut atau sebarang kerjasama dengan pihak Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia untuk memperkenalkan marina awam. Jabatan Laut juga tidak pernah memohon peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti promosi marina.

Dari segi aspek pengurusan hasil, semakan Audit mendapati terdapat banyak kelemahan dari segi pengurusan hasil sewa *berthing* seperti berikut:

- (i) borang maklumat kapal layar iaitu yang saya sebutkan tadi iaitu borang MSS1 dan MSS2 tidak dikawal yang hanya menggunakan borang fotostat dan tiada nombor siri;
- (ii) sebanyak 37 terimaan berjumlah hampir RM16,000 tidak mempunyai borang MSS1 atau MSS2 atau kedua-duanya;
- (iii) kita juga dapati bahawa borang-borang ini tidak diisi tarikh berlepas;
- (iv) kesannya adalah 71 terimaan terkurang kutip dengan jumlah RM11,068;
- (v) 222 terimaan telah terlebih kutip dengan jumlah RM81,887; dan
- (vi) terdapat 22 kapal atau bot yang telah mendaftar masuk di Marina Melaka, tetapi tiada resit rasmi dikeluarkan.

Kelemahan dalam pengurusan borang hasil ini menyebabkan perekodan hasil yang tidak tepat dan tidak dapat disahkan.

Selain itu, semakan Audit di Marina Batu Uban pula mengenakan caj RM10 bagi setiap kemasukan kapal di marina yang mana ia tidak selaras dengan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, Kaedah-kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. Selain itu, semakan Audit di Marina Melaka pula, ia mengenakan caj tetap untuk penggunaan elektrik oleh penyewa dataran kejut yang tidak selaras dengan kadar dalam Jadual Kedua tersebut.

Selain daripada itu, penggunaan *slipway access* di Marina Melaka juga tidak dipantau. Selain itu, pihak yang menggunakan dataran kejut di Marina Melaka tidak dikawal melalui satu perjanjian yang khusus. Selain itu, sebanyak 398 terimaan telah lewat dikeluarkan resit rasmi antara satu hingga 364 hari. Selain daripada itu, daftar sewa dan rekod ABT tidak disediakan di empat buah marina yang masih beroperasi.

Pada pandangan Jabatan Audit Negara, semua masalah yang kita bentangkan tadi adalah berpunca daripada lima perkara berikut. Kita dapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan Jabatan Laut telah menjalankan satu kajian kemungkinan sebelum marina dibina. Selain daripada itu, Jabatan Laut juga tidak mempunyai struktur pengurusan dan perancangan strategik bagi pengurusan marina awam yang berkaitan dengan ketiadaan perjawatan untuk pengurusan marina. Selain daripada itu, ketiadaan sistem dan proses kerja yang khusus juga menyebabkan kelemahan-kelemahan tadi berlaku, di samping ketiadaan peruntukan kewangan yang khusus untuk pembinaan marina.

Itu sahaja pembentangan saya. Sebenarnya slaid 23 hingga ke belakang itu adalah penemuan-penemuan secara terperinci berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara. Saya ingat itu sahaja daripada saya.

Tuan Pengerusi: Ada perlu maklumat tambahan?

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebräu]: Encik Khalid, cuma sebelum projek ini dilaksanakan, dia ada buat kajian tidak, *feasibility study* macam mana Malaysia boleh jadi

satu tempat tumpuan bagi pelayar-pelayar? Ini kerana bagi saya, saya 10 tahun di luar negara, saya tidak nampak di rantau Asia Timur Selatan ini jadi satu tempat tumpuan kepada pelayar-pelayar kerana kita punya angin tidak cukup kuat. Jadi, mengapa ada *feasibility study* yang menunjukkan projek ini boleh dilakukan dan menguntungkan negara?

■1520

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *I think* Tuan Pengerusi PAC dan juga Yang Berhormat bertanya. Saya rasa *we have clearly mention in the report that for all this Marina the lack of feasibility studies in terms of location, determining the location for where the marina it should be develop* memang amat nyatalah. Nanti *along the way I think for one case that I can tell you of is the case of Kuala Kedah is not— has not been operation since— you know it was 100 over due to I think the glaring mistake was the location. Location itu,* tempat itu bukan sesuainya untuk diadakan marina disebabkan mendapan yang tinggi. Disebabkan mendapan yang tinggi, *for marina tadi kita sudah mention bahawa under the international punya itu ada dia punya requirement, you know.*

The certain depth of sea water that should be ada di situ walaupun from time to time they need to be maintain the dredging and what not. Tetapi itu obviously there was no feasibility study done and the same for the others as well. You know what happen for Kuala Kedah if I can share with you the background of it, I think it started of as a state project. When I think bila state government merasakan mereka tidak dapat meneruskan, I think 22 percent— Saiful ya? At 22 percent fizikal punya status, they seek the Federal Government to take over the project and which the Federal Government allocated some fund for that purpose and finish off the project tetapi projek itu tidak dapat beroperasi disebabkan mendapan yang teruk sangat sehinggakan pontun-pontun yang ada di situ rosak dan terpaksa dialihkan. You know, those kinds of things.

Jadi memang Yang Berhormat, ini memang masalah *feasibility study* memang di situ. Mentagor pun sama di Perak itu. *It was mooted by the state government and then because of the Federal at that time I think there have different choice of ini location. But due to I mean the push from the state, the Federal Government took it up and timbul isu-isu yang berkaitanlah I think nanti masa bersoal dengan ketua setiausaha kementerian mungkin you can ask further on this. Because there were decisions reached by the Cabinet to hand over macam the case of Mentagor kepada Majlis Daerah Manjong, okey. Majlis Daerah Manjong but that decision was never related to them until about two years later, one half years plus— almost 2 years lah.*

So recently they have reply dia kata dia tak boleh hendak ambil alih Mentagor ini sebab dia tak sustainable, hendak maintain-kan. Jadi saya rasa ini pun di pihak kementerian perlu pursue sebab it's a Cabinet's decision and the project fail. It needs to be re-table to the Cabinet mungkin hendak menentukan hala tuju projek ini because millions have been spent.

So setakat itu saya dapat maklum di sini. *I think is best that we raise this with the KSU so that this project*— bukan banyak sangat *white elephant around us on marina* inilah. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Encik Khalid, *is it normal for auditor* untuk masuk *after* puluh tahun punya projek? *Because* projek ini mula dibuat Rancangan Malaysia Kelapan, selepas itu *auditor* cuma masuk tahun 2017. *Is that normal?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain ya. Dalam pengauditan Tuan Pengerusi kita *approach* kita adalah *post audit*. *Post audit* kalau melibatkan sesuatu program, kita ingin mengukur sejauh mana *the outcome and impact on a program*. Jadi dalam kes seperti ini eloknya kita lakukan projek itu memang sudah siap. Jadi kita dapat melihat daripada niat asal kerajaan untuk membina marina ini sama ada tercapai atau tidak *and you know to give them sometime stabilize and to ensure everything is okay*-lah. Jadi kalau kita buat *ongoing project, concurrent project*, jadi ia akan— kita tak dapat melaporkan dari segi *outcome* dan *impact definitely not*-lah.

Walau bagaimanapun *for these cases* ini kita pernah— marina ini bukan pertama kali kita mengaudit. Kita pernah mengaudit dalam tahun 2009 yang melibatkan *emphasize was on the other marina and* sudah dilaporkan Yang Berhormat sekalian merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara 2009 ada dilaporkan dan isu itu macam isu yang sama, *no action taken, you know*. Jadi pernah dilaporkan. Dari segi *design*-nya, dari segi *maintenance*, dari segi hasil semua pernah dilaporkan. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi, saya hendak...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Refer to— sorry* Tuan Pengerusi. *Slide number 120* kita ada sebut. Ada sebut pasal pengauditan yang lepas itu.

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, Encik Khalid, saya ada ialah Ahli Parlimen Bukit Bendera dari Pulau Pinang. Sebenarnya untuk isu marina ini saya telah membangkitkan beberapa kali di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Ini kerana penemuan Audit pada tahun 2009 telah diterbitkan dan saya telah merujuk kepada terbitan audit itu, saya telah membangkitkan isu itu *debate* dalam sidang DUN Pulau Pinang dan *of course exco* hanyalah *exco* kerajaan negeri. Dia tak ada cawan penuh yang melibatkan seluruh persekutuan. Tahun 2010 saya *debate* di DUN, tahun 2013 Tanjung City Marina, Pulau Pinang telah diberhentikan operasi dan saya sekali lagi *debate* di Dewan Undangan Negeri kemudian *of course exco* juga dia tak ada— dia hanya baca jawapan dari pegawai sahaja— ini *Federal matters*.

Saya adakan sidang akhbar dalam Tanjung City Marina Point. Saya kata berjuta-juta wang dibuang ke laut, saya guna perkataan itu. Berjuta-juta wang, jutaan wang 40 lebih juta dibuang ke laut begitu sahaja Tanjung City Marina, Pulau Pinang. Hari ini saya baca juga

begitu ramai, begitu banyak marina yang— saya ingat waktu itu saya sangat bercakap sangat besar / *mean* suara tinggi 40 juta dibuang, ini beratusan juta. Itu satu— saya rasa membuka satu skandal yang besar. Satu lagi bukan sahaja marina, saya pernah membangkitkan juga isu *tuna port*, Penang International Tuna Port yang juga berjuta-juta tetapi satu kapal tuna pun tak lawat Penang International Tuna Port.

Saya hanya waktu itu di DUN *level*, saya bangkitkan itu sahaja tetapi saya nampak satu sistematik cara / *mean* penemuan satu-satu bukan sahaja marina, projek-projek Persekutuan yang membelanjakan begitu wang begitu besar. Kegagalan yang begitu menonjol, yang begitu jelas, tak dapat *sustain* berapa tahun *you know*— bukan sahaja marina. *Tuna port* juga. Saya hanya tahu Penang International Tuna Port, saya tak tau lagi di mana ada masalah-masalah projek-projek berkaitan dengan laut yang *port*, *marina* semua yang gagal. So saya hairan terkejut juga tiada *feasibility study*, *you know*. Saya baca juga Kedah baru-baru hendak buat satu *tuna port* lagi *you know*. So apakah kita belajar daripada *audit report* ini? Tahun 2009, sekali lagi kemudian sekali lagi. *What we have learnt?* Audit keluarkan *report*. Kemudian kita baca *report* kemudian kegagalan, demi kegagalan. Saya— kenapa tiada *feasibility study* di peringkat kementerian?

Tuan Pengerusi: Soalan hendak ganti kepada MOT.

Tuan Wong Hon Wai: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: So ada apa-apa lagi? Kalau tak kita akan panggil KSU MOT dan rombongan. Jadi terima kasih banyak-banyak Encik Khalid dan rombongan daripada *auditor general*. Jadi saya pasti bahawa makluman terkini ini akan mempersiapkan kita untuk bertanya kepada MOT tentang isu yang kita buat siasatan petang ini. Terima kasih banyak-banyak ya.

[Saksi-saksi dari kementerian/jabatan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

■1530

Tuan Pengerusi: Selamat petang dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC dan semua Ahli-ahli PAC. Begitu juga kepada pegawai-pegawai *ex officio* PAC Parlimen yang sempat hadir pada prosiding kita pada petang ini. Hari ini kita akan mengadakan prosiding pengurusan marina awam di bawah Jabatan Laut, suruhanjaya dan juga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Hadir bagi memberikan penjelasan dan keterangan di hadapan jawatankuasa ini ialah Datuk Seri Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan selaku pegawai pengawal Jabatan Laut Malaysia. Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Laut dan Puan Monaliza binti Suhaimi, Pemangku Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Izinkan saya memberi sedikit ringkasan mengenai prosiding pada hari ini memandangkan ia adalah prosiding pertama PAC Parlimen Ke-14 yang membabitkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Isu pengurusan marina awam ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri Satu yang dibentangkan di Parlimen pada 5 Ogos 2018. Secara ringkasnya kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan membina 11 buah marina awam dengan peruntukan berjumlah RM323.16 juta iaitu masing-masing di Pulau Pinang, Johor dan Pahang dan satu lagi di Selangor, Melaka, Sarawak, Perak dan Kedah.

Ketua Audit Negara dalam laporannya mendapati tiga daripada marina awam ini iaitu di Muar, Johor; Tanjong City Marina, Pulau Pinang dan Pulau Mentagor, Perak tidak beroperasi. Selain itu, teguran juga dibuat terhadap penyediaan infrastruktur, pengurusan operasi, penyelenggaraan kemudahan awam, pengurusan aktiviti promosi dan pengurusan hasil terhadap pengurusan marina awam ini. Berdasarkan *AG's Dashboard*, terdapat tiga lagi teguran masih dalam status kuning iaitu dalam tindakan iaitu tiga marina awam masih lagi tidak beroperasi.

Sehubungan itu, tanpa membuang masa saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Seri Saripuddin, Ketua KSU MOT untuk— sebagai permulaan untuk *update*-kan Ahli-ahli PAC tentang status teguran-teguran — status marina-marina ini hasil daripada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Jabatan Audit.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim [Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Selamat petang Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC dan seterusnya Ahli-ahli PAC serta Setiausaha Dewan— Setiausaha PAC. Pertama sekali, Yang Berhormat Tuan Pengerusi telah memperkenalkan kami semua dan saya ingat saya terus pergi kepada pembentangan.

Saya ingin tarik perhatian kepada— *next one please*. [*Merujuk kepada slaid*] Kalau kita lihat balik kepada sejarah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Jabatan Laut telah ditubuhkan pada tahun 1953 dengan peranannya sebagai agensi mengawal selia dan memberikan perkhidmatan kepada bidang laut atau *maritime* khususnya keselamatan perkapalan, keselamatan pelayaran kapal, sekuriti pelabuhan, standard pelaut dan perlindungan alam sekitar marin.

Saya hendak tekankan di sini bahawa marina ini— pengurusan marina bukanlah *core-business* Jabatan Laut. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada tahun 2000 telah membuat keputusan untuk melaksanakan berkaitan dengan promosi industri kapal rekreasi di Malaysia melalui pembangunan infrastruktur asas. EPU kemudiannya melalui kementerian telah memutuskan untuk membina 11 buah marina awam di seluruh Malaysia

yang mana 10 diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Laut dan satu lagi di bawah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

Di bawah Jabatan Laut ini daripada 10 marina yang telah diputuskan untuk dibina oleh Jabatan Laut, dia ada dua yang sebahagiannya dibina melalui konvensional dan sebahagian lagi melalui *design and build*.

■1540

Keduanya, yang ini adalah dari segi Suruhanjaya Pulau Pinang. Suruhanjaya Pulau Pinang adalah satu daripada pihak berkuasa pelabuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pelabuhan Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 yang berperanan untuk memastikan perkhidmatan pelabuhan ini adalah *port regulator* dan juga *port operator of* Pulau Pinang sebelum penswastaan. Kini SPPP kekal sebagai *regulator* kepada pelabuhan Pulau Pinang dan PPSB sebagai operator pelabuhan Pulau Pinang.

EPU pada 27 Mac 2002 telah memutuskan supaya pembangunan Marina Tanjong City diletakkan di bawah SPPP sebagai Pengarah Projek dan PPSB iaitu sebuah syarikat sebagai Pengarah Projek.

Ini adalah secara keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana 11 senarainya sebagai mana yang Yang Berhormat Tuan Pengerusi disebutkan tadi bahawa ini adalah kedudukan semasa yang mana tiga telah dipindahkan kepada APMM dan tiga tidak beroperasi dan yang lainnya beroperasi. Ini adalah makluman-makluman secara keseluruhannya.

Ini adalah dari segi lokasi marina-marina awam yang terlibat iaitu sebanyak 11. Kita ada satu di Sarawak dan yang lain-lain di Semenanjung termasuk satu di Tioman.

Saya terus pergi kepada pengurusan marina ini. Pengurusan marina ini seperti saya sebutkan di awal tadi memang *is not a core business of* Jabatan Laut dan sebab itu pada tahun 2004, *Marina Rules* telah diwartakan untuk membolehkan Jabatan Laut melaksanakan tanggungjawabnya sebagai agensi yang untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan ini.

Walau bagaimanapun, sungguhpun kita telah membuat pindaan akta dan kita wartakan pada tahun 2004, walau bagaimanapun, *manpower* tidak ada. Maknanya *the manpower* yang *head by the* JLM pada hari itu dan sehingga hari ini adalah untuk tugas-tugas untuk melaksanakan *core business* sahaja. Apabila kesemua projek-projek yang telah dimaksudkan siap, itulah timbul isu-isu berhubung dari segi pengurusan, seperti mana Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebutkan tadi, timbul beberapa kelemahan dan sebagainya.

Ini adalah seperti mana yang adalah skop seperti mana Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebutkan tadi. Ini adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya khususnya berhubung dengan pengurusan operasi marina,

dari segi kemudahan, dan juga dari segi prestasi keseluruhannya yang mana kita sebutkan tadi. Tiga telah diserahkan kepada APMM dan tiga yang tidak beroperasi, yang lain itu beroperasi dengan baik.

So, jadi apa yang kita hendak tekankan di sini bahawa memanglah kita akui ada kelemahan-kelemahan kerana kekangan dari segi Jabatan Laut sendiri. Ini kerana pertama sekali bukan *our core business* dan *secondly we were not empowered with the right manpower* dan sebagainya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Datuk Seri, *who is the body or the organization that are supposed to overlook all these marina awam? Because—* sebab dikatakan Jabatan Laut tidak, bukannya *their core business*-kan?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat, sebab itu *way forward* nanti kita berpandangan bahawa *private sector — the thing should be run by the private sector instead of government*. Macam kita kata, *we don't have the expertise* —walaupun kita mungkin ada *manpower* sedikit kalau diberikan tapi *when come to promotion, we need not only manpower, we need allocation for maintenance, for promotion and juga for the capacity building*.

So, we belief that jeti ini should be run and given to the private sector...

Tuan Wong Kah Woh: *But at the time of, semasa kesemua marina awam ini siap dibina, so, who is supposed to supervise and to oversees the whole things. Memang ada satu badankan?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Jabatan Laut.

Tuan Wong Kah Woh: Jabatan Laut, okey.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *But we don't have a proper division or proper manpower. That is why what we do ialah we mobilize some of the manpower yang kita ada without having the right competency, right knowledge dan sebagainya. But this is the situation that before us.*

Saya diberitahu — *we revert* balik yang —lagi, okey. [Merujuk kepada *slaid*] — kalau kita lihat di bawah sana kita pernah memohon kepada JPA untuk mewujudkan jawatan-jawatan tertentu untuk kita mengendalikan kesemua marina ini, tetapi ditolak.

Saya *personally believe* kalau even kalau kita adapun mungkin kekangan masih ada. Dari segi —satu *we talking about maintenance. One of the issues raised by Jabatan Ketua Audit Negara ialah isu maintenance. We need money to maintain and every year we have to —biasa we have to bid for the budget. Kita tahu bahawa maintenance is not necessarily* kita boleh dapat. *So, we have to make use of available allocation* untuk kita *maintain the marina*. Sebab itu kita *still believe the right body should be private sector. May I continue?*

Okey, pergi kepada *dashboard please* [Merujuk kepada *slaid*]. Cuma mungkin — kita telah ada penambahbaikan. Tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebutkan bahawa dalam

tindakan ada tiga tetapi sekarang ini tinggal dua sahaja lagi. So, yang dua ini pertama sekali ialah tentang kedudukan marina di Pulau Mentagor di Perak dan keduanya di Muar Johor. *We go details after this.*

Alright next, [Merujuk kepada slaid], this one yang pertama sekali ialah — ini yang pending ialah berhubung dengan Marina Muar. Ini keputusan Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara ialah supaya marina ini kita buat land swap dengan Kerajaan Negeri Johor. Perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan oleh kementerian berkenaan supaya marina ini kita dapat selesaikan melalui land swapping dengan Kerajaan Negeri Johor.

Next one, please [Merujuk kepada slaid].

Tuan Pengerusi: *What do you mean by land swapping? [Bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Tidak maknanya the site of the marina itu segalanya sekali bangunan kita akan berikan kepada Kerajaan Negeri Johor dan in return Kerajaan Negeri Johor akan —*

Seseorang Ahli: *[Bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Ya, piece of land. Tanah itu bukan kepada MOT tapi kepada KPTG.*

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: *Of the same value.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Of the same value.*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Federal Land Commissioner.*

Tuan Wong Kah Woh: *Datuk Seri boleh balik kepada slaid. Untuk Marina Muar ini — so swap, balasan ganti tanah adalah RM29.47 juta. So, sama ada itu juga bermaksud the whole construction cost untuk Marina Muar ini, is this figure? No?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Yes.*

Tuan Wong Kah Woh: *Yes.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Ini berdasarkan value of the asset.*

Tuan Wong Kah Woh: *Value of the asset or the construction cost if you mention?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Sebab kita kalau berasaskan prosedur sedia ada, penilaian akan dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.*

Tuan Wong Kah Woh: *So, you mean this is the current value by JPPH?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Right. Kalau dulu kita lihat dulu kalau asalnya dulu projek ini kosnya RM27.34 million. So, means —but the nilai tanah dan sebagainya — mostly tanah ini sudah higher than the — tapi dulu kita masuk— this is the cost construction.*

Tuan Wong Kah Woh: *Belum lagi masuk kos tanah sebelum itu.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tidak termasuk.

Tuan Wong Kah Woh: *Any information in-hand?* ada tidak ?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Sudah termasuk.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sudah termasuk.

Tuan Wong Kah Woh: Sudah termasuk? So, RM27 juta adalah kos tanah dan juga *construction*.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Can we move?*

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ini adalah marina di Pulau Mentagor, Perak. Dari segi sejarah, asalnya pulau ini telah ditawarkan kepada pihak YTL kerana YTL juga adalah pengendali sebuah pulau di situ iaitu Pangkor Laut Resort dan juga Pulau Mentagor *itself*.

Akan tetapi, ada beberapa kekangan dengan Kerajaan Negeri Perak pada masa itu, YTL *decided* untuk tidak meneruskan pembangunan tersebut dan kemudiannya Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta (JTAS) yang dipengerusikan oleh KSN telah memutuskan supaya marina ini ditawarkan kepada Majlis Perbandaran Manjung selama 32 tahun dengan sewa pajakan RM160,000 setahun.

■1550

So, itu adalah keputusan terakhir yang dibuat oleh JTAS. Walau bagaimanapun baru-baru ini, pihak Majlis Perbandaran Manjung telah menolak— ini sebelum pilihan raya ya Dato'? Oh, *sorry this is Cabinet's decision* supaya marina ini dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung. Walau bagaimanapun— boleh ini YDP Manjung boleh sahkan ya. Ini sebelum pilihan raya ya?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip [Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung]: Ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sebelum pilihan raya Majlis Perbandaran Manjung telah menolak tawaran ini. Susulan daripada keputusan ini, pihak kementerian kemudiannya telah menghubungi semula pihak YTL untuk bertanyakan sama ada mereka masih berminat untuk menguruskan operasi Marina Pulau Mentagor ini pada September yang lalu dan secara *verbal*-nya selepas daripada perbincangan tersebut pada bulan Oktober, YTL telah memaklumkan projek ini mereka tidak lagi berminat untuk menguruskan marina ini.

So, pada masa ini kita sedang menyediakan Nota Jemaah Menteri dan untuk mencadangkan supaya marina ini kita swastakan juga bersama dengan marina-marina yang lain yang pada masa ini sedang dalam pertimbangan pihak UKAS. Okey, *next*.

Ini adalah gambar-gambar yang terkini marina-marina yang sedang— jadi ini adalah di Pulau Mentagor memang pada masa ini tidak ada orang kata pengunjunlah.

Tuan Pengerusi: Bangunan cantik.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Memang cantik tetapi *maintenance— we still have to maintain it*, memang cantik dekat Pulau Mentagor.

Tuan Pengerusi: Ini gambar terbaharu ini.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ini terbaharu. Di sebelah kanan ialah Marina Muar. Itu kalau kita tengok bangunannya mungkin telah pun uzurlah kerana kita telah pun ada keputusan untuk pindahkan kepada kerajaan negeri, so jadi sekarang ini kita hanya menunggu masa. Akan tetapi pontun dan sebagainya telah pun tidak ada lagi di situ.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini bangunan itu menjadi kafeteria dan disewa oleh pihak swasta dan itu adalah hasil sementara Jabatan Laut sehingga urusan selesai. Okey, *next please*. Okey, ini adalah seperti yang saya sebutkan awal tadi Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Lima yang asalnya dulu yang seperti kita *propose* kepada UKAS untuk kita swastakan. Pada masa ini seperti saya sebutkan kalau sebelah kanan tadi seperti disebutkan YTL juga telah menolak ataupun telah tidak lagi berminat untuk menguruskan swasta ini, jadi kita akan masukkan bersama-sama yang lain untuk kita cadangkan untuk diswastakan.

Pada masa ini pihak UKAS sedang menyediakan aspek teknikal untuk UKAS memanggil, *request for proposal (RFP)* untuk pihak swasta mengendalikan kesemua kelapan-lapan marina ini. Oh, *sorry* termasuk enam, keenam-enam ini, keenam. Kita akan tambah satu lagi yang Mentagor dan juga Batu Uban. So, tujuhlah?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid [Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia]: Tidak, Mentagor masuk sinilah, lima dan Batu Uban sekalilah.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Sorry, okey sorry*, minta maaf. So, ini adalah *the summary of* semua sekali yang kita cadang untuk buat secara tender terbuka, *outright sale* ataupun untuk diuruskan. Ini bergantung kepada minat pihak swasta sama ada mereka untuk membeli ataupun mereka untuk menguruskan. Oleh sebab umpamanya kalau kita mungkin ada sedikit— saya dimaklumkan oleh pihak UKAS untuk Tioman umpamanya itu mungkin kita— sebab itu adalah di bawah tanah rizab, *Malay reserve*, so yang itu mungkin kita dari segi pemilihannya itu mungkin agak berbeza dari tempat-tempat yang lain. Selain daripada yang Johor yang mana kita telah pun ada keputusan untuk buat *land swap* dengan kerajaan negeri, so yang lain itu kita akan buka untuk RFP. *Next please*.

Ini adalah yang kelima-lima yang tadi, marina Pahang...

Tuan Wong Kah Woh: Ini sedang beroperasi lagi ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sedang operasi dan memang cantik pun kalau kita tengok dan salah satu ialah Tioman, yang marina juga beroperasi dan sedang diuruskan oleh— dengan serba kekangan kita sekaranglah.

Tuan Pengerusi: Itu Batu Uban ada itu.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ya, Batu Uban.

Tuan Wong Hon Wai: Adakah beroperasi Batu Uban?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Batu Uban ya. Batu Uban memang baguslah, *very good*. Tioman pun memang popular. *Next please*. Melaka *not so good*, begitu juga dengan Pulau Indah tetapi banyak pihak yang berminat. *Not so good* tetapi memang digunakan dan diuruskan oleh Jabatan Laut dengan kekangan yang kita ada sekaranglah. Okey, *next*. Ini Kuching kita adapun kurang popular, sedang beroperasi juga. Okey, *next*.

Satu lagi Tuan Pengerusi di Penang kita ada dualah, satu Batu Uban dan *secondly* adalah yang pengurusan marina Tanjung City Marina ini. Ini yang saya sebutkan di awal tadi diuruskan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Projek ini Ahli-ahli Yang Berhormat telah siap pada tahun 2005. Walau bagaimanapun projek ini dia hanya— marina ini hanya dapat beroperasi sehingga tahun 2013 sahaja kerana kerosakan pontun itu dan sebab ini alunan ombak yang kuat dan sebagainya. Oleh sebab dulu buat semasa dilaksanakan awal dahulu mungkin kajian terperinci tidak dilaksanakan kerana keputusannya untuk membina ini agak segera macam itu, so jadi tidak ada buat kajian, *feasibility study* yang mendalam.

Sejak tahun 2013 hingga kini kita tidak ada— tidak digunakan. Okey, *next* kita pergi ya.

Tuan Wong Hon Wai: Boleh tidak, pernah digunakan tidak?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Pernah, ini statistik. Sebenarnya untuk Pulau Pinang ini dia adalah satu daripada marina yang kita kira-kira *considered* sebagai popular dan memang kalau kita tengok dari segi sasaran dengan *actual versus* dengan kita punya *projected* memang— kalau sehingga tahun— kalau kita tengok awal-awal itu memang sampai tahun 2009 memang orang kata melebihi *target*. Walau bagaimanapun kerana masalah pontun, alunan yang kuat ombak di situ, so mengakibatkan kerosakan dan sebagainya, so akhirnya tidak ada— kita terpaksa berhentikan pada tahun 2013 dan tidak ada lagi kapal-kapal yang dapat berlabuh di situ, kapal-kapal layar. So, *these are the situation* yang sedang dihadapi oleh Tanjung City Marina ini. So, *next one please*.

Ini adalah status sekarang ialah tentang satu telah pun selesai dan satu lagi sedang dalam tindakan. Sebenarnya dalam tindakan di sini ialah untuk berhubung dengan hala tuju marina ini. Oleh sebab apa yang kerana ini adalah di bawah kuasa SPPP, so pihak SPPP sekarang sedang melaksanakan— bercadang untuk melaksanakan *feasibility study* untuk hala tuju. Sebab potensi memang ada untuk kalau kita lihat daripada statistik yang ada tadi memang potensinya tinggi. Walau bagaimanapun kita perlu melihat dari segi *feasibility study* untuk menentukan hala tuju Tanjung City Marina ini sama ada kita hendak baik pulih, hendak naik taraf ataupun sebagainya. Ini akan diputuskan oleh Lembaga Pengarah SPPP dalam sedikit masa lagilah apabila lembaga ini telah dapat bersidang semula setelah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dapat beroperasi seperti mana sepenuhnya. So, *next one please*.

Ini adalah maklumat-maklumat projek sahaja Yang Berhormat. Saya ingat dari segi *presentation* umum adalah dari segi apa yang kita bercadang hendak bentangkan kepada PAC adalah seperti mana yang saya bentangkan ini. So, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Saya cuma melihat semua tindakan ini adalah tindakan *mitigation*, maknanya selepas itu *go thoroughly as Auditor General* dan diambil tindakan-tindakan untuk membaiki keadaan. Akan tetapi pada asalnya ketika Kabinet menyatakan hasrat untuk membina industri kapal ini ke Malaysia, MOT ada tidak buat kajian terperinci tentang kesesuaian, *demand*, dan keperluan untuk membina marina-marina ini sebelum projek itu dilancarkan.

■1600

Saya tahu dia adalah arahan Kabinet dan terpaksa MOT mengambil tindakan. Akan tetapi dalam keadaan untuk menerima arahan dan tindakan itu, adakah kajian terperinci dibuat? Penghasilan daripada itu, apa yang berlaku sama ada marina yang tidak boleh digunakan, ada masalah air cetek, mendapan dan sebagainya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Terima kasih Tuan Pengerusi. *If based on record* yang saya ada, sebenarnya projek ini agak mengejut datang kepada Jabatan Laut, ideanya datang. Kita diberikan masa yang begitu singkat untuk *come out* dengan pandangan dan juga dari segi kajian dan sebagainya. So jadi saya ingat, mungkin sahabat saya Dato' Baharin boleh—

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid [Ketua Pengarah, Jabatan Laut Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan kajian, selepas Jemaah Menteri membuat keputusan untuk menggalakkan industri marina ini, kita telah diminta oleh pihak EPU untuk mengemukakan kertas cadangan. So Jabatan Laut, kita ada mengemukakan kertas cadangan. Kalau tidak silap saya dalam bulan Februari tahun 2001 *after the Cabinet decision*, yang mana kita ada mencadangkan untuk membina 20 marina tetapi hanya dengan kos yang minimum. *It is because* mula-mula kita cadangkan kerana kita kesuntukan masa untuk buat *study*, so cadangan kita berdasarkan kepada pertamanya, untuk membuat marina sebagai tempat-tempat persinggahan *along the Strait of Malacca*. Kita *identified I think about 20 places and our initial proposal was to build* di mana kita sendiri ada jeti. So *that, because* tempat yang kita sendiri ada jeti sudah *established*. Kedalaman air cukup, dia punya penggunaan sedia kala oleh publik ada *and* memang tempat-tempat yang kita ada jeti itu tempat yang sesuai, yang memang kita sudah jeti *and not subject to siltation and all those issues*. Seperti mana yang kita *faced* sekarang ini *with this...*

Tuan Pengerusi: Maknanya pembinaan itu tidak mengikut cadangan asal?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Yes. *Many* tidak mengikut. Ada yang mengikut, ada yang tidak ikut. *For example*, macam di Batu Uban memang kita *proposed*, itu

diikutilah. *The rest* itu macam di Kuala Kedah atau di Mentagor, kita hanya dapat keputusan daripada pihak EPU untuk membina. *So, I am at this moment not eligible to say*, mungkin pihak EPU ada buat kajian, saya tidak tahu. Mungkin *it is best* kalau...

Tuan Pengerusi: Dari konteks yang lain, ada tidak jawatankuasa yang menggabungkan agensi yang lain selain daripada agensi di bawah MOT ini, imigresen umpamanya? *It is because* bila kita cakap tentang industri rekreasi, kapal asing akan datang. So, ada tidak diterokai perspektif yang sedemikian?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Tuan Pengerusi, *at that particular time* tiadalah kita buat rujukan kepada agensi yang lain kerana kita seperti mana yang Yang Berbahagia Datuk Seri *mentioned*, kita kesuntukan masa. *We were given very limited time to come out with the paper because Cabinet really wanted to push this project forward at that time.*

Tuan Pengerusi: *So you are saying even* yang cadangan 20 buah marina *on your* cadangan, yang *you identified*, I mean your ministry identified suitable for marina tidak diikutlah? Maksudnya tidak diikuti sepenuhnya 20 itu?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Tidak diikuti sepenuhnya. Ada yang diikuti, ada yang tidak.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tuan Pengerusi, kalau dapat saya sebutkan tadi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Projek ini adalah satu projek yang baik. *This is very noble project. I can still remember during that time; all the state was requesting to the government then.* Apabila kerajaan membuat keputusan untuk membuat marina, semua kerajaan negeri memohon untuk membina marina masing-masing. Ini kerana kita sebagai sebuah negeri pelancongan, kita memang untuk menarik pelancongan, apatah lagi Malaysia *it's been surrounded by water.* Akan tetapi mungkin kelemahan kita di sini, saya tidak tahu tentang ketirisan, tentang penyelewengan saya tidak tahu, tetapi setakat ini kita tidak dapat tengok.

Akan tetapi, kita tengok banyak kelemahan. Pertamanya, persediaan kita tidak ada. Kedua, kita tidak ada pengurusan. Macam Datuk Seri cakap tadi, tidak ada *manpower*, tidak ada struktur. Akan tetapi, *the money has already been spend.* Sekarang kita punya matlamat utama kementerian sekarang, apakah sebenarnya perancangan kementerian untuk memastikan supaya marina ini dapat kita pergunakan sebaik mungkin. Kalau terpaksa kita belanja lagi, kita belanja lagi.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Seperti mana juga Tuan Pengerusi sebutkan dan juga Yang Berhormat sebutkan tadi, *this is not core business of Jabatan Laut.* Oleh sebab itu *when come to* perancangan pun, *there are certain thing* yang *overlook by* jabatan *because this is not their core competencies.* So, kita *admitted* memang itu dari segi

kelemahan kita. Oleh sebab itu saya ingat aspek integrasi dengan imigresen semua itu mungkin tidak diambil kira semasa perancangan.

Pada kita MOT, projek ini *is not total failure* kerana pada sekurang-kurangnya kita telah pun mempunyai infrastruktur. Saya ingat kalau tidak dibina oleh kerajaan, *private sector* secara *piecemeal* dia tidak akan datang. Akan tetapi apa yang telah ada sekarang ini ialah mungkin yang kelemahan kita ialah dari segi menguruskan. Oleh sebab itu *since infra* kita sudah ada, *as way forward*, kementerian berpandangan bahawa memang *high time* dan juga memang *it shouldn't be with* Jabatan Laut dari segi pengurusan. Kita biarkan pihak swasta untuk mengendali. Sebab saya ingat potensinya kalau pihak swasta mengendalikan ini, dengan promosinya, dengan keupayaan mereka kita percaya. Ini sebab memang kita selama ini pun sudah ada beberapa pihak swasta sudah *approached* untuk menguruskan dan juga untuk membeli sebagainya. Akan tetapi, mereka tidak kalau kata untuk mereka datang dahulu untuk *invest*, memang tidak adalah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *What is the way forward for ministry itself?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kalau untuk kita, satu daripadanya memang kita as kementerian bersama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), *this is one of the area yang kita promoted*. Bahkan di Langkawi, kita menjadikan Langkawi sebagai *registry* untuk kapal-kapal layar. Itu adalah sebahagian daripada *to compliment* apa yang telah dilaksanakan sebelum ini. Keduanya, kita memang menggalakkan. Cuma, kita yalah, dari segi kekangan *manpower* untuk menguruskan dan kita tidak ada kepakaran, bukan bidang kita. Pada kita di MOT, penyediaan infrastruktur oleh MOT, oleh kerajaan, saya ingat okey. *But we need the private sector to come in untuk to flourish all the marina* ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *How to forget we have already spend big sum of money? We cannot just be leaving the money just laying like that. We need to be –* Apa pun, kita kena buat satu perancangan yang terbaik.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Oleh sebab itu bila tahun 2012 sebenarnya sudah dibincangkan. Kita telah bersama dengan UKAS, memang kita mencadangkan supaya kita swasta-kan. Kalau kita – *can you go to the –* Boleh Dr. *update* sedikit on the UKAS punya *progress on it*.

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan I), Unit Kerjasama Awam Malaysia (UKAS), Kementerian Kewangan]: Kita telah mendapat keputusan Jemaah Menteri pada 4 Disember 2015. Jadi, kita dalam proses kita hendak buat RFP, kita minta untuk buat RFP dokumen, kita minta input *from* jabatan yang berkaitan. Kita dalam proses Yang Berhormat, saya sudah kumpul semua

sebab hendak dapatkan *drawing* semua, kita perlukan input daripada pihak jabatan. Bila sudah dapat semua input itu, kita akan buat RFP terbuka.

Tuan Pengerusi: *But still tindakan mitigation-lah. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1610

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, dia sepatutnya Tuan Pengerusi, dia mesti ada satu kerjasama yang erat di antara beberapa kementerian yang kita mesti kena kenal pasti daripada sekarang supaya *not only to revive the operational all these marina's because we don't just swasta*. Kalau swasta sekarang masalah pertama yang kita dapat tengok, kita *land swap* ataupun kita akan serah tanah kepada pemaju. Ini yang sepatutnya pemaju esok bila dapat tanah, bukan sahaja projek marina, dia akan buat, lain pun dia akan buat.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kalau saya dapat beri penjelasan. Sebenarnya dari segi *way forward*, ialah kita *let the swasta manage*. Bentuknya bergantung pada *proposal* yang akan datang, sama ada kita— untuk swasta *just* untuk *manage, outright sale* ataupun apa juga. Kita *open about it*. Kepentingan kerajaan memang kita akan pastikan bahawa *investment* yang *government* telah *invest* dalam projek-projek ini tidak akan – dan penilaian sewajarnya melalui Jabatan Pengurusan Penilaian. Oleh sebab yang itu kita semua melibatkan semua jabatan. *Is not MOT per se, we have to go to Cabinet* dari segi pemilihan syarikat yang akan dicadangkan nanti.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Actually* Datuk, sebenarnya saya terlibat semasa kerajaan negeri, kita buat perancangan. Pada masa itu kita serahkan tanah kepada Kerajaan Pusat untuk buat marina dan kita sebenarnya berusaha cukup kuat untuk mendapatkan projek ini. Melaka tidak tersenarai. Akan tetapi selepas itu disenaraikan pembinaan dia selepas kerajaan mengumumkan tahun 2000 untuk membuat marina. Jadi kita rasa marina ini adalah satu projek yang baik untuk menarik pelancongan. Akan tetapi cara pengurusan kita, *follow through* kita itu.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tebrau. Okey.

Tuan Pengerusi: *Let them answer the question first.*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Okey.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Saya setuju seperti Yang Berhormat sebut sebab kita akui di pihak MOT, di pihak Jabatan Laut memang kita banyak kekangan dan kita memang bukan pakar di dalam bidang marina. Ini adalah sesuatu yang baru. Mungkin *we are quiet good* dari segi penyediaan *infra* but when come to the management of the marina dan juga hendak *promote* dan semua itu, *it is not our core business* lah dari segi itu.

Akan tetapi kalau kita lihat ada beberapa marina yang *doing very well*. Macam kata di Batu Uban, di Tioman, di Pulau Indah juga kita tengok *even* di Pulau Pinang yang tadi di Tanjong City. Cuma mungkin kerana ketiadaan kajian secara mendalam sebelum pemindaan *so half way, half way through* kita terpaksa, projek itu jadi gagal. Akan tetapi potensinya macam Pulau Pinang, kita lihat memang banyak. Oleh sebab kita kata dia boleh *complement* juga, sebelah itu kita ada *the cruise terminal* yang boleh *complement each other*.

Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor [Pengarah Infrastruktur II, Unit Kerjasama Awam Malaysia (UKAS), Kementerian Kewangan]: Tuan Pengerusi...

Puan Wong Shu Qi: Okey terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin tanya tentang pada permulaannya apabila rancangan ini dilancarkan, apa yang dalam rancangan JLM iaitu model pengurusan adakah diurus sepenuhnya oleh kerajaan atau pernah *consider* tentang model pengurusan lain?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat, kalau saya dapat menjelaskan memang dari segi konsep asalnya memang projek ini dibina oleh Jabatan Laut dan diuruskan oleh Jabatan Laut. Oleh sebab itu kita telah mengemukakan permohonan perjawatan kepada JPA untuk membantu Jabatan Laut mempunyai *staff* yang cukup untuk tujuan pengurusan dan juga *maintenance*. *But unfortunately*, kita tidak dapat. So kita tahulah dengan kedudukan kakitangan yang terhad dan kita terpaksa *mobilized*. Kita ada banyak yang 10 tadi, so jadi sebab itu banyak perkara-perkara yang *pointed by out* Jabatan Audit Negara berhubung dengan kelemahan-kelemahan kerana memang mereka ini bukan bidang mereka untuk menguruskan dengan baik marina ini.

Puan Wong Shu Qi: Soalan tambahan saya tentang konsep pengurusan sepenuhnya di bawah kerajaan, adakah kementerian pernah fikir bahawa adakah model ini betulkan ataupun perlu PPP ataupun penswastaaan?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Seperti yang saya sebutkan awal tadi, apa yang kita melihat sebagai *way forward* dan kita akui bahawa kita bukanlah mempunyai kompetensi untuk mengendalikan ini. Kita berpandangan *private sector* adalah *the best party* untuk *manage*. Akan tetapi dari segi penyediaan *infra* ini pada saya tidak ada salah kerajaan menyediakan. *I think we work together* lah dengan *private sector for the benefit of the nation*.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, saya hendak menentu sahkan dua fakta. Nombor satu kita telah mendengar bahawa ada tiga marina awam yang tidak beroperasi pada hari ini tetapi apa yang saya nampak untuk Tanjong City Penang memang beroperasi sehingga tahun 2012. Bagaimana dengan dua-dua yang lain di Mentagor dan di Muar, sama ada *from day one* memang tidak ada operasi kah? Bagaimana? Itu nombor 1.

Nombor 2 dalam laporan audit juga ada dititikberatkan bahawa salah satu masalah adalah berkenaan dengan *security in and out* yang mana tidak ada Imigresen ataupun Kastam yang menjaga. So untuk marina awam yang masih lagi beroperasi sekarang, sama ada isu itu masih berlaku secara berterusan sehingga hari ini ke tidak, *and any measures to actually to resolve this issue.*

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Okey terima kasih Yang Berhormat. Mengenai marina di Mentagor sejak dibuka, kita dah buka marina ini saya ingat tak silap saya, tahun 2007. Akan tetapi oleh kerana dia punya keadaan kawasan itu yang agak terpencil, tidak ada bot-bot yang mahu menggunakannya lah. *So I can say that* walaupun kita sudah buka untuk operasi, tetapi tidak ada penggunaanlah, okey. Sehingga lebih kurang tahun 2010 di mana ada berlaku keadaan ribut dan ombak besar di mana pontun-pontun dia telah di pukul dengan ombak dan pecah. So kita terpaksa bukalah dan simpanlah dia punya pontun itu, semualah.

Untuk Marina Muar, juga kita sebenarnya sudah buka. *Initially I think* ada bot-bot yang menggunakan. Akan tetapi disebabkan oleh lokasi itu di mana dia jadi tempat pengumpulan sampah *and* sampah ini bukan sampah biasa, sampah plastik, bukan. Akan tetapi dia tunggul-tunggul, pokok-pokok yang daripada *upstream* kan, dia turun dan dia pukul marina itu sehingga pecahlah. Kita ada bubuh pemecah ombak okey, kita ada bubuh dipanggil *rubbish trap* tetapi *rubbish trap* tersebut pun tidak berjaya hendak mengawal *rubbish* itulah daripada memasuki kawasan marina dan *at the end* kita *decided that* kita buka dan kita *relocate the* pontun itu di lokasi yang lainlah.

Tuan Wong Kah Woh: *Custom, that is a security issue.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Memanglah *as it is*— macam kita tengok macam Pulau Mentagor ini memang tempatnya...

Tuan Wong Kah Woh: Bukan Mentagor, untuk marina awam yang beroperasi. *So whether there is any improvement as to the security and so on. As it is now in terms of Custom, Immigration.*

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Okey dari segi penggunaan marina ini oleh pelayar-pelayar, *the rule is they have to report to Custom Immigration on their first entry into, the first arrival into the country-* lah. *So bila the first arrival* itu, *yes, they have to report to immigration and custom,* okey. Di marina kita memang tidak ada Imigresen dan Kastam stesen dekat situ. So apa yang kita buat ialah kita *give guide to the yachties, we call them yachties so that they can go to the nearest Custom and Immigration Office to report their arrival-*lah.

■1620

So, kita ada *bubuh signboard* dan sebagainya. *But I do believe you are right in the sense that* kita perlu adakan kawalan yang lebih ketat dan *I think the next step which we will*

be doing will be to consult—lah the custom and immigration to see what are— what is the best way untuk kita mengadakan kawalan sekuriti yang lebih baiklah di marina ini.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Tadi apabila menjawab berkenaan dengan marina awam di Muar dan juga di Mentagor di Perak. *So*, kita boleh nampak ada satu isu adalah isu lokasi. *So*, sama ada lokasi secara *geographical*-nya akan di pukul oleh ombak sebagainya ataupun sama ada pelayar hendak masuk atau tidak. *So*, untuk tujuan PAC ini boleh tidak Datuk Seri dan Dato' untuk sediakan— tadi ada menyatakan apabila *at the first place* ada 20 lokasi yang telah pun dicadangkan. Okey. *List down the dua—* senaraikan kesemua 20 lokasi tersebut dan kita boleh membuat satu perbandingan yang mana telah pun di-*bid*, yang mana dan telah pun digugurkan dan juga untuk 11 lokasi yang kita ada itu yang mana adalah diputuskan lokasinya tanpa *consultation* dengan MOT dan sebagainya.

So, siapa yang membuat keputusan terakhir untuk menentukan lokasi?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat. Kalau mengikut prosedur biasa, semua pelaksanaan projek-projek pembangunan sebegini kita bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akanber bincang dan ini adalah *part of project screening*-lah. *So*, ada perbincangan dan sebagainya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, that would be a joint decision* lah?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kalau saya dapat— Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kalau macam Pulau Mentagor dahulu sebenarnya dari segi konsep asalnya dahulu apabila marina dibangunkan dia bukannya sebagai *standalone*. Dia dirancang untuk dibangunkan bersama dengan Pangkor Laut yang juga merupakan satu lagi dan juga ada beberapa projek lagi yang dicadangkan oleh YTL. Akan tetapi, dia tidak dapat direalisasikan. Sebab itu, projek ini dia menjadi macam kita kata tidak dapat memenuhi matlamat asal. Ini kerana...

Tuan Pengerusi: *Because of the change of Prime Minister?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Saya ingat tidak. Ini antara kerajaan negeri...

Tuan Pengerusi: Tidak. Tidak. Sekarang ini *lost interest* tahu. *Along the way*, projek ini macam tidak dibagi perhatian.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sebenarnya, dia ada sedikit— ini antara kerajaan negeri dengan pihak pemaju pulau itu yang saya ingat tidak *resolve*. *So, it's beyond* Jabatan Laut punya *jurisdictions*.

Tuan Pengerusi: Okey. *On your part— ministry* punya *part*. Cadangan-cadangan untuk *the way forward*. *Have you presented it to the present government? What is the reaction?* Apa tindakan respons?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sebenarnya, ini adalah antara— Yang Berhormat. Ini adalah antara projek-projek yang antara yang terawal yang kita *brief the present government. The Minister of Transport dan the way forward* itu memang *we shared the same the vision that we should allow the private sector to manage and to run the...*

Tuan Pengerusi: Di dalam Kabinet ataupun peringkat kementerian?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kita akan...

Tuan Pengerusi: *As I means this, brought this to the attention of the Cabinet?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kita telah maklumkan *the* Yang Berhormat Menteri bahawa projek-projek ini sebahagiannya selain daripada Pulau Mentagor telah pun berada di UKAS dan kita sedang pada masa itu sedang berunding dengan ataupun sedang mendapatkan *feedback* daripada YTL sama ada mereka masih berminat ataupun tidak. Pada masa itu dan yang terakhir kita pun tidak *update* bahawa semuanya memang kita kena pergi pada UKAS untuk kita cadangkan untuk diswastakan. Fasal memang— dan kita akan pergi kepada Kabinet dan selepas itu bergantung pada RFP yang akan terima daripada pihak-pihak yang berminat nanti.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Boleh saya..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Tadi *you* kata di peringkat kementerian sudah buat keputusan memang hendak swastakan tetapi belum sampai kepada Jemaah Kabinet. Betul ya? Apa yang saya dengar selama ini, saya dapat satu— boleh kata saya rumuskan Jabatan Laut Malaysia dipaksa untuk melakukan projek ini kerana ini bukan satu cadangan yang diasalkan dari Jabatan Laut Malaysia. Betul?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Ini soal interpretasi. Macam kita kata memang *this is not core business of* Jabatan Laut.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Adakah *you* yang cadang kepada Kabinet?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Akan tetapi sebenarnya projek ini adalah datang daripada Jemaah Menteri.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Yalah, makna *you* dipaksalah. *[Ketawa]* *You* kena ambil ini projek. Akan tetapi *you* tidak berminat. *You* tidak berminat. Itu sebab itu projek akan *fail*. Dalam korporat, kita kata *we must have, what we called embrace the same corporate goal*. Jemaah Kabinet mahu projek ini tetapi adakah sebelum mereka buat keputusan, dia melibatkan Jabatan Laut Malaysia, masing-masing sampaikan kepada satu keputusan yang melibatkan *feasibility study* adakah lokasi ini sesuai. Ini kerana dari segi *business*, mengapa sekarang swasta punya saya dengar pun susah tidak ada orang macam berminat, kan. Kalau saya dalam korporat punya, saya pun tidak berminat. Ini kerana kalau kita buat *export business*, kita kalau ada satu barang, kita mesti pastikan adakah cukup orang dalam tempatan sebelum kita eksport. Biasa punya kita *produce* untuk *local market*

dahulu. Selepas itu, sampai ke satu tahap kita eksport. Kalau tidak cukup, kita tidak akan berlabuh. Di Malaysia, siapa suka belayar? Jadi, kita bergantung kepada semua pelayar dari negara asing.

Itu sebab kita bukan macam Australia. Australia, rakyat sendiri dia suka belayar. Kalau *you* ambil secara kita kata *average, five percent Australian* ada kapal layar sendiri. Jadi, dia perlu marina. Akan tetapi, Malaysia punya siapa ramai orang ada? Kalau swasta, saya pun tidak nampak ada syarikat swasta hendak ambil alih.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat. Ini mungkin soal interpretasilah ya tetapi kita tidak pasti keputusan Jemaah Menteri pada masa itu. Akan tetapi kita berpandangan bahawa Jemaah Menteri— pandangan pada masa itu mungkin tidak ada...

Tuan Pengerusi: Jemaah Menteri yang PM keempat?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tahun 2000. Saya ingat masih Yang Amat Berhormat Tun.

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Masih Yang Amat Berhormat Tun. Ya, *seperti saya* cakap tadi. Sama ada pertukaran PM itu menyebabkan industri marina rekreasi jadi tidak penting. Sebab itu, dia tidak diberi kelebihan. *Is that?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Saya tidak dapat hendak buat kesimpulan seperti mana yang Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebutkan tadi. Akan tetapi kita melihat memang kita mempunyai potensi kalau macam saya sebutkan tadi ada beberapa projek yang berjaya yang mempunyai pasaran. Tioman—

Tuan Pengerusi: *That one* tahun 1999. *I* ingat *one of the budget* ada sebut fasal industri tapak rekreasi awal-awal dahulu. Lepas itu dia tidak disebut... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Okey, Yang Berhormat. Saya ada— sahabat saya mempunyai statistik tentang kalau kita lihat di segi tarikh pembinaan siap. Kuala Kedah umpamanya siap pada tahun 2003, maknanya di bawah— sudah pertukaran pentadbiran. Pulau Mentagor pada tahun 2007, Muar Johor pada tahun 2008. Melaka...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi idea yang untuk bina pada tahun... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ideanya semasa tahun 2000 inilah. [*Disampuk*] Tahun 2000. Keputusan Kabinet adalah pada tahun 2000.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Pulau Indah, Kuching pada tahun 2009. So, maknanya di bawah pentadbiran selepas itu.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

■1630

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Cuma Yang Berhormat saya daripada pihak MOT, pandangan MOT kita lihat memanglah kalau kita melihat secara keseluruhannya pembangunan infrastruktur ini kalau tidak di-*initiate* atau *promote by the government* sukar untuk pihak swasta untuk memulakan. Jadi seperti yang disebutkan tadi kita tidak dapat menyimpulkan bahawa keputusan kita ini gagal sepenuhnya kerana sekurang-kurangnya kita telah pun mempunyai *infra* walaupun sebahagian daripada satu, dua marina mengalami beberapa masalah kerana mungkin kajian mendalam tidak dilakukan.

Akan tetapi, kita telah menyediakan asas kepada industri kapal layar ini untuk berkembang. Selain daripada itu *to compliment* marina-marina kita— kita banyak sekarang ini kalau kita lihat sudah mula ada *private* marina di Port Dickson— sudah banyak tempat sudah mula ada *and some they are competing with us*. Sebab itu saya rasa dari segi potensinya ada dan pihak swasta sekarang sudah banyak menunjuk minat untuk mengembangkan lagi dengan mengambil alih untuk menguruskan marina-marina.

Tuan Pengerusi: Sutera Harbour di Kota Kinabalu.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Very nice.*

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, saya ada soalan. MOT jaga udara, darat dan laut —*transportation*. So, kalau kita dengar taklimat dan juga keterangan daripada pegawai, kita didapati bahawa kita tidak ada *master plan* untuk marina. Waktu kita hendak buat dulu kita tidak ada *feasibility study*, kita tidak ada *master plan*.

So, saya harap *airport* ada *master plan*— *airport* ada? Saya ada baca *50 years airport master plan*.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *We come out with new one.*

Tuan Wong Hon Wai: *The new one master plan. So, you must have—* dari segi pegawai *you* perlu ada *think forward*, kena ada *master plan* yang fikir-fikir panjang — 30 tahun, 50 tahun dan *of course beginning with and in mind* bila kita mula kita, kita kena tahu akhir itu apa.

Ini kerana saya dapati projek ini ROI, — ada tidak MOT buat *study* apakah ROI sepanjang kita belanja ratusan juta. *What is the ROI? Because* saya nampak Marina Batu Uban mengenakan caj RM10 bagi setiap kemasukan kapal di marina. Itu berdasarkan kepada *Second Schedule Fees Federation Port Rules 1953*, RM10 per *entry*. So, saya pun terkejutlah kerana kita ada marina ratusan juta menggunakan *Federation Port Rules 1953*. RM10 itu pun dua dolar lebih sahaja.

What is your — saya dengar juga ada *private* marina yang *coming out*. So, yang lepas kita tahu ada kesilapan yang amat besar dengan pelaburan yang begitu tinggi tetapi

ROI tidak nampak apa. *Moving forward* adakah boleh dicadangkan yang *Federation Port Rules* ini dinaikkan. *I mean* sekurang-kurangnya *matching* ataupun tidak jauh sangat dengan *private* marina supaya *at least*— saya tidak tahu berapa ROI you boleh dapat — silakan.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Terima kasih, Yang Berhormat atas pemerhatian dan juga cadangan tersebut. Kalau kita lihat sekarang ini memang kita ada *two types of marina*. *One is the private and the other one is the public*. *Public* ini memang murahlah kerana *this is open to all*. Berbanding dengan yang *private* marina sebahagiannya adalah *just open for the members* sahaja. Jadi ada *some limitation*. *The cost*-nya semua *different* dan yang seperti mana Yang Berhormat sebutkan dari segi ROI sebab itu *I think* memang kalau *talking about ROI* memang tidak adalah.

Cuma saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli PAC tentang apabila kita — contohnya pelabuhan dulu kita— sebelum diswastakan pelabuhan-pelabuhan umpamanya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Klang dan sebagainya itu diuruskan juga oleh pelabuhan sendiri pihak berkuasa —*the port authorities* sendiri. Akan tetapi, apabila kita swastakan memang lain dari segi *return*. Kita tengok sekarang pelabuhan-pelabuhan kita telah berkembang dengan besar— *PTP, West Port, North Port and South Port*. Sebab itu yang dalam konteks ini juga kita berpandangan bahawa lebih menguntungkan dan lebih memanfaatkan negara sekiranya pihak swasta mengendalikannya. Ini kerana kita percaya mereka boleh membuat *big investment* di dalam untuk menaik taraf untuk *maintain to promote and so forth*. Sebab memang industri ini sedang berkembang di negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang beroperasi ini, *roughly* berapa *income per year* sekarang?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Okey, Yang Berhormat *for the five marinas* yang beroperasi. Saya ambil statistik daripada tahun 2014 *for the last five years* — 2014 sampai sekarang 2018.

Batu Uban Marina *generating income* setakat ini RM810,573, Pulau Indah Marina RM386,759, Melaka Marina RM183,418, Pulau Tioman Marina RM98,579 dan Kuching Marina RM76,447. *So, total we have collected for the past five years RM1.55 million*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: [*Bercakap tanpa mengguna pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Kos pengurusan?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Itu kita tidak — oleh kerana macam — *because we don't have set structure to manage the marina*. Kita *deploy* daripada Jabatan Laut punya staf sendiri untuk menjaga. *So*, perkiraan gaji itu —fasal staf itu tidak *dedicated* buat kerjanya sahaja. Dia *also* buat-buat kerja yang lain seperti *clearance of other vessel and all that*. *So*, kita tidak *delineate*-lah ia punya kos *in that sense*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Boleh saya tanya? *You* sudah bagi tahu kutipan dari *facility* marina ini. Berapa kos pentadbiran, pengurusan dan sebagainya, promosi. Jadi *total cost* sudah berapa?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Yang Berhormat kalau hendak dikira tentang *operational cost*. Yang itu kita *absorb* daripada Jabatan Laut punya staf *because we don't have the dedicated team to look after the marinas*. So, yang ada kita gunakan staf — kita *redeploy staff* daripada Jabatan Laut sendiri untuk jaga dan mengutip hasilnya. So, *that why* kita tidak *tabulate all those figures*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Jadi selama ini tidak ada kos penyelenggaraan?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Kos penyelenggaraan ada. *We do yearly maintenance*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *That one* mesti ada *figure*? Ada tidak ?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: *That one is physical maintenance of the marina*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Berapa?

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Sekejap. Untuk marina di Pulau Indah kita ada buat penyelenggaraan baru-baru ini 2018 dan siap pada Oktober 2018. Kita belanja RM378,000 untuk *maintenance* ia punya pontun itu yang mana sudah terkeluar daripada dia punya *joint thing* itu.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Tidak perlu bagi saya terperinci. Saya cuma hendak tahu keseluruhan kos penyelenggaraan selama ini.

■1640

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Selama ini kita— *I don't have the figures now but I can get the figures for you* lah, *if you...*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat kalau saya dapat...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Saya hendak tahu apa-apa rakyat sudah menanggung selama ini kerana *cost* pembinaan sudah RM323 juta. Jadi berapa lagi sudah menanggung rakyat.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat seperti mana yang disebutkan tadi, kita tidak *run* marina ini sebagai satu *business entity* lah kerana ini adalah saya sebutkan adalah marina awam. So sebab itu kadarnya pun rendah. Satu daripada arahan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang baharu, kita sedang kaji balik semua. Bukan sahaja yang berkaitan dengan marina tetapi juga berkaitan dengan tarif-tarif yang lain yang pada masa ini memang...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Harus buat begitu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Last* sekali. Saya sambut baiklah apa yang disebut oleh Datuk Seri tadilah. Akan tetapi apa pun kita hendak, kalau boleh semua perbelanjaan yang telah kita buat yang besar ini dapat kita manfaatkan semulalah. Ini kerana marina ini saya tahu kalau dekat Melaka itu, kita tengok slip way pun sudah habis.

Dia punya pemecah ombak pun sudah rosak. Jadi sepatutnya kalau boleh pihak kementerian mesti ada satu perancangan daripada sekarang untuk membaik pulih, naik taraf supaya ia dapat dipergunakan semula.

Kalaupun kita tidak ada kemampuan untuk menguruskan, kalau kita swastakan, baru betul. Orang baharu ambil swasta kalau boleh sudah baik, orang akan swasta. Akan tetapi ada tidak kementerian ada perancangan serupa ini? Kalau kita buat cadangan kepada kerajaan yang baik, kerana hendak memanfaatkan apa yang telah kita belanja, saya rasa kerajaan tidak akan - mesti memberikan pertimbangan.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Seperti saya sebutkan tadi bahawa kita sekarang ini kita hendak *go for the request for proposal. We let the private sector to propose what are the best model* yang dia orang hendak lakukan dengan marina ini. Oleh sebab kita mungkin ada pandangan kita, mungkin kita hendak minta *manage* dan sebagainya. Akan tetapi saya ingat kita lebih berminat untuk kita buka idea kepada *private sector to come out, propose* sama ada mereka hendak *run the whole* ataupun *they want to go —we open*.

Tuan Pengerusi: *How confident are you private sector will take up the...*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Saya confident.*

Tuan Pengerusi: *But you say even YTL pun tidak berminat.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Itu mungkin sebelum pengumuman Pulau Pangkor sebagai *duty free*. Mungkin selepas ini - saya tidak tahu kerana itu.

Tuan Pengerusi: Banyak yang di *highlight* oleh Audit ini, *Auditor General Report, I think you have that* dari segi pengurusan, semakan Audit, borang kapal MSS tidak dikawal, *I think* itu sudah dijawab kepada Audit lah kan?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sudah.

Tuan Pengerusi: Sudah jawab kepada Audit semua kan. Banyak isu yang telah di *highlight* oleh Audit.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Itu pun kita sudah *update* di *dashboard*.

Tuan Pengerusi: Sudah *update* dengan Jabatan Audit.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ya, sebab itu sekarang kita tinggal untuk Jabatan Laut ada dua lagi yang kuning dan yang Tanjong City Marina, itu lagi satu.

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum lupa yang butiran tadi itu tolong *sharekan* kepada kita nanti.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang tadi.

Tuan Pengerusi: Yang ini dan yang disebut tadi itu ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tadi dan sebagainya itu ya.

Tuan Pengerusi: Okey, *the way* saya tengok sekarang ini, *the way I see you* punya *proposal, I mean* kementerian punya *proposal is privatize the whole project*. Maksudnya bukan sahaja melibatkan yang beroperasi. *Are you saying that operasi itu pun privatize?*

Lima, yang tiga tidak beroperasi dan yang tiga diserahkan kepada APMM. *So, the way I see it* daripada pendengaran ini, satu sahaja, *the only way out of this to privatize it. That's why the question whether ada takers but you are confident because ada pengumuman Pulau Tioman, YTL akan ambil balik.*

But the rest of the location itu macam mana? The rest of the location. How confident are you that privatization will work for this?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tuan Pengerusi ada beberapa marina umpamanya di Pulau Indah pun telah ada pihak-pihak yang berminat, di Penang pun, di Tanjong City Marina pun ada pihak yang berminat. Cuma sekarang ini kita tidak *make it public* lagilah sebab apa, ini masih di peringkat dalaman. Kita bersama UKAS kita belum open secara *public*-lah *to come forward with* dia punya *request proposal* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ada Jawatankuasa dibentuk tidak? Ada mesyuarat UKAS, EPU. Ada tidak?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Dia *headed by* UKAS, di UKAS.

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid: Seperti kata Datuk Seri tadi kita akan buat RFP. Sekarang kita dalam proses untuk buat dokumen RFP dan kita akan *float* lah, kita akan *float*. Dia ada banyak model, saya rasa model sama ada model *maintenance*, kita minta *concessionaire fees* ataupun kita *outsource*, *direct outsource* ataupun kita biar dia *manage*, dia *maintain and* mungkin kita *collect some concessionaire fee from the concessionaire* lah. Akan tetapi *that one* kita tengah bincang dengan pihak kementerianlah.

Tuan Pengerusi: *There is no* Jawatankuasa *on this* marina.

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid: Di UKAS kita ada Jawatankuasa...

Tuan Pengerusi: Ada melibatkan beberapa EPU, UKAS...

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid: Kita di UKAS Tuan Pengerusi kita ada Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta yang melibatkan EPU, MOF dan juga JKPTG lah. So kita tengah melihat untuk membuat RFP lah Tuan Pengerusi, *request for proposal. We will fluid it.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tuan Pengerusi kalau saya boleh tambah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Seperti saya sebutkan tadi, kalau kita hendak *continue* hendak *manage* ini pun saya ingat kita satu *we don't have man power, resources* dan *we don't have, it is not* - kita tidak ada kompetensi hendak *continue, manage*, macam mana hendak buat penambahbaikan, *I think it's not...*

Tuan Pengerusi: *Initial spirit* itu memang hendak diserahkan kepada MOT? Atau pun hendak dibuat *under privatization? Is that what the initial spirit of* marina awam ini ketika di *initialize* dia? Ada tidak disebut untuk agensi kerajaan *manage* ataupun untuk di *privatize?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *We recall* balik kepada cadangan asal dulu, fokus Jabatan Laut dulu pun *just* dari segi pembinaan dan kita cuba untuk menguruskan. Kita menguruskan melalui dengan cara serba kekurangan. Kita dari segi kementerian MOT, kita menyediakan infrastruktur dan kita telah pun cuba Tuan Pengerusi, telah mencuba beberapa tahun menguruskan ini tetapi nampaknya kita kot tidak berjaya untuk menguruskan dengan baik dan menjadikan industri ini satu yang berjaya.

Akan tetapi kalau kita lihat di pihak swasta memang banyak yang berjaya dan mendapat sambutan. So saya rasa mungkin *its the right move*, kita buka kepada swasta untuk melaksanakannya.

Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor: Tuan Pengerusi mungkin saya ada sedikit kalau boleh diberi izin.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor: Okey yang pertama saya ingat saya kena beri sedikit penjelasanlah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa PAC pada petang ini. Pertama tentang konsep penswastan yang kita akan laksanakan.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]: *Introduce, sorry.*

Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor: Nama saya Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor, Pengarah Seksyen Infrastruktur II lah. Okey, konsep yang kita cuba laksanakan sekarang ini, *insya-Allah* kita akan laksanakan selepas kita *look into the details of it* adalah tindakan bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Fasilitas yang telah ada ini kita akan *privatize*-kan untuk diuruskan oleh pihak swasta dengan kita memberi kepada mereka tempoh-tempoh konsesi yang tertentu, bergantung kepada *investment* yang akan dibuat oleh pihak syarikat.

When we privatize this project, kita akan tetapkan di antara syaratnya adalah, pihak syarikat kena kemukakan anggaran pelaburan yang hendak dilaburkan di dalam marina ini. Daripada situ kita akan nilaikan pula daripada segi pendapatan yang dijangka boleh *collect* di samping keseluruhan *maintenance*. Sebagai balasan kepada kerajaan, kita akan mengenakan bayaran pajakan tanah, pajakan aset ataupun kita panggil *asset leasing* kerana *asset is already there. The asset plus the land*. Masa yang sama juga, kita akan benarkan pihak syarikat membangunkan kawasan-kawasan yang ada di dalam tanah tersebut, *it must be relate to* marina punya industri.

Maksudnya kalau dia buat *seafood restaurant* kah atau *anything* yang boleh *generate revenue*, kita benarkan. Akan tetapi *it must be related to* marinalah. Dia tidak bolehlah tiba-tiba dia hendak buat disko kah, pusat urut kaki dekat situ, tidak bolehlah, okey.

■1650

Di samping itu juga, kita akan melihat keperluan dari segi *profit sharing*. Dalam tempoh konsesi ini nanti, kerajaan tidak akan mengeluarkan lagi sebarang peruntukan dari

segi penyelenggaraan, *maintenance* dan sebagainya. Sebenarnya, konsep ini yang kita lakukan di dalam pelabuhan yang mana sekarang ini memang tidak ada lagi peruntukan dikeluarkan oleh MOF kepada konsesi-konsesi pelabuhan. Segala *capex* yang melibatkan *refurbishment*, naik taraf dan juga *capex* baharu adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi. *That is why* kita bagi dia tempoh 30 tahun macam pelabuhan. *Normally*, kita punya *rule of thumb* RM1.5 bilion *investment* yang dilaburkan di atas pelabuhan *required is about 30 years* untuk dia *recoup* balik *that* RM1.5 bilion *plus* lebih kurang *10 to 15 percent equity IR*. Itu biasa *normally* kita punya *just rule of thumb*. Akan tetapi untuk marina ini, kita belum lagi buat kajian yang lebih terperinci sebab baru-baru tadi kita difahamkan ada lagi beberapa yang mungkin dicadangkan untuk di-*privatize*-kan sekali.

Jadi yang keduanya berkenaan dengan konsepnya, kita sedang melihat. Mungkin kita perlu *privatize*-kan serentak. Kita tidak boleh asing-asingkan dia kerana kita dapati ada marina yang *making money*, ada yang *not making money at all*. Jadi kalau kita buat secara berasingan, kita bimbang yang *not making money* ini tidak ada *takers*. So, kita *need element of cross subsidize* nanti. Mungkin dia kena ambil semua, jadi yang dia boleh buat duit seperti di Tioman dan juga di Batu Uban, *they going to use that one to subsidize* yang mungkin di Pulau Indah atau pun mungkin di Mentagor dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: *I think* itu satu pendekatan, *we must put* syarat. *Otherwise...*
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid: Untuk membangunkan, *develop*. Mungkin ada benda lain dia perlu buat untuk dia *cross subsidize* pengurusan marina tersebut. *That one* kita akan *study*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Marina-marina yang diserahkan kepada APMM ini, *how capable that are APMM in managing this?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Yang Berhormat, kita ada tiga telah pun dipindahkan kepada APMM iaitu Kuala Kedah, Tanjung Gemok di Pahang dan satu lagi ialah di Tanjung Pengelih. Satu yang di Kuala Kedah...

Tuan Pengerusi: Marina ini yang cetek ini, kan?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Ya, yang *opposite* jeti itu.

Tuan Pengerusi: Ini ceteklah, tidak boleh...

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Digunakan sebagai pejabatlah, *not* sebagai marina.

Tuan Pengerusi: APMM gunakan sebagai pejabat?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Sebagai pejabat.

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat. Bila kita serah kepada APMM, jadi APMM menggunakan marina itu bukan untuk tujuan marina, bukan untuk *pleasure boat* tetapi untuk kegunaan bot-bot dia sendiri *which they are using*.

Macam di Tanjung Pengelih sekarang... [Disampuk] Sama juga. Di Tanjung Pengelih, di Tanjung Gemok dan di Kuala Kedah. *They are using it for their own facilities.* Cuma di Kuala Kedah macam Yang Berhormat tadi ada *mentioned*, ceteklah. *So, I don't think they are using it for their boats*, mungkin sebagai *office* sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dimanfaatkan.

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Dimanfaatkan, ya. *They are using it.*

Tuan Pengerusi: Ini dengan... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Keputusan daripada JTAS (Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta).

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Yang Berhormat, boleh saya hendak beri pandangan sedikit? Minta izin Datuk Seri KSU. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Perkenalkan diri dahulu.

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Saya Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung.

Tuan Pengerusi: Manjung.

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Ya. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, untuk Marina Mentagor, *originally* Marina Mentagor *di-proposed* oleh YTL dalam permohonan tanahnya kepada kerajaan negeri lebih kurang 283 ekar. Saya melihat YTL ini pada ketika itu yang mempunyai Pangkor Laut yang telah sedia ada *resort* dan hotel di kawasan Pulau Mentagor ini, maka dia *propose* untuk tujuan pembangunan Pulau Mentagor. Jangkaan saya pada ketika itu, *international tourists* yang biasanya menginap di Pangkor Laut, maka tapak yang dipilih oleh YTL dianggap bersesuaian untuk persinggahan kapal-kapal ke kawasan berkenaan. Pakej pembangunan YTL dalam tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri lebih kurang 167 ekar, termasuklah pembangunan My Second Home oleh YTL. Maka, saya melihat yang sedia ada hotel dan *resort*, cadangan pembangunan marina termasuk dengan gabungan pembangunan My Second Home oleh YTL merupakan pilihan tapak yang bersesuaian dalam membangunkan Pulau Mentagor. Kita pihak berkuasa tempatan telah meluluskan dan menyokong penuh semua pembangunan berkenaan.

Apabila Marina Mentagor dibangunkan, saya mungkin saya lihat YTL ini mengemukakan permohonan peruntukan kepada pihak *Federal* melalui UKAS. Pada ketika itu, peruntukan yang diluluskan RM24.7 juta itu *originally* adalah tanah YTL. Selepas itu—mungkin pada ketika itu *to be contra* dengan kos, maka dipindah milik sebahagian tanah berkenaan kepada JKPTG dan bagi maksud marin, *later on* mungkin MOT masuk untuk mengendalikan marina yang sepatutnya dikendalikan oleh pihak YTL. Apabila pihak YTL tidak membangunkan pembangunan yang kedua sebagai *supporting* kepada marina di situ, mungkin itu bermulanya marina berkenaan tidak *di-manage*. Lantaran itulah saya melihat—

sebab mungkin MOT atau Jabatan Laut menerima dalam keadaan mengejut *without any preparation* dan tanpa ada *supporting* pembangunan di kawasan berkenaan.

Bagi Pulau Pangkor, kita melihat pembangunan marina ini sebenarnya satu bentuk *supporting tourism* dalam mengembangkan lagi Pangkor Laut dan juga kawasan Teluk Nipah, kawasan Teluk Ketapang dan juga kawasan Pulau Mentagor.

Tuan Pengerusi: Mentagor ini dia laut punya *tourism attraction*?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: *Originally* hanya ada Pangkor Laut sebagai *tourist attraction for international* sahaja.

Tuan Pengerusi: Pangkor Laut?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Ya, Pangkor Laut.

Tuan Wong Kah Woh: *Nearly* sebelah Pangkor Laut?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Ya, sebelah Pangkor Laut.

Tuan Pengerusi: Sebelah Pangkor Laut lah ini?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Ya. Jadi, saya tidak beranggapan sangat kegagalan oleh pihak Jabatan Laut ataupun MOT. Sebaliknya, kita di peringkat PBT, kita di peringkat negeri sudah *support* untuk YTL *proceed* dengan segala perancangan pembangunan dia di situ supaya Mentagor itu hidup. Jadi walaupun *originally* pihak yang berkenaan mengemukakan kawasan berkenaan, kesinambungan pembangunan oleh mereka sendiri, mungkin itu mendorong kepada masalah Pulau Mentagor tidak dibangunkan.

Tuan Pengerusi: Maksudnya *My Second Home project*?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu pun sudah tidak ada?

Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip: Itu pun dia tidak buat. Akan tetapi *originally we are already approved* dia punya *layout*.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tuan Pengerusi, yang ini *beyond our knowledge*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Bila *you* masuk *an agreement* dengan YTL, tentu dia ada *the legal aspect of it*.

■1700

Maknanya ada *the legal aspect*. Maknanya kalau YTL *propose* begitu dia kena buat begitu selepas itu ada kerjasama daripada pihak atas *so* yang itu ada tak *the legal aspect of the agreement* selain daripada persetujuan *development plan* oleh *local government and you giving this land*, kita minta dia buat itu. Ada tak *the legal aspect of the agreement*? Ada tak persetujuan dari segi perjanjian, dari segi undang-undang yang *you can bind* YTL, *you can bind* YTL. Kalau ada itu maknanya kita boleh *pursue the matter* dengan YTL, fasal dia

tak laksanakan. Maksudnya kalau *you came into the agreement, development plan* mesti ada persetujuan dia mesti ada perjanjian dari segi undang-undang.

You don't deliver this, you have to pay like that. Betul tak pasal dia tak boleh ambil yang baik, yang baik dia ambil. *Is that.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Tuan Pengerusi yang ini saya kena minta daripada Manjung untuk menjawab kerana kita daripada pihak MOT dan Jabatan Laut kita *were entrusted to build the marina* sahaja. Berkenaan isu *agreement* dan sebagainya adalah antara kerajaan negeri dan juga YTL tidak melibatkan MOT.

Tuan Pengerusi: Minta kongsi dengan PAC ya *so that* kita boleh *highlight*-kan dalam rumusan kita nanti kegagalan YTL dari segi aspek dia.

Tuan Wong Kah Woh: Okey Tuan Pengerusi dengan izin. Datuk Seri saya percaya bahawa apabila ke semua marina awam ini dibina mungkin ada satu *legal framework* ada satu *framework* ataupun spesifikasi *as to how the marina awam* akan diuruskan. Sekiranya sekarang andaikanlah ke semua ini kita dapati swastakan, *so what would be the legal position on that* kerana sekiranya sebelum ini ada satu *legal framework* untuk menguruskan segala perkara berkenaan dengan marina awam ini *and after your penswastan so can that actually be done or not practically.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Okey Yang Berhormat, dia seperti mana juga projek-projek penswastan yang lain *which is headed by UKAS.* Kita memang dalam *team.* Memang kita biasanya dari segi amalan pihak kementerian akan mencadangkan buat apa juga *proposal* kepada UKAS. Akan tetapi UKAS dan juga pihak Jabatan Peguam kita mempunyai *team* yang memang dari segi *terms and condition* semua itu akan diputuskan bersama. Sebelum kita bagi kepada Kabinet dan perkara ini akan dibentangkan kepada Kabinet dari segi *legal framework* dan juga segala aspek *of the penswastan.*

Tuan Pengerusi: *Where is status now?* Perbincangan mengenai penswastan ini, status mana, status sekarang dia ini?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Seperti mana sahabat saya sebut okey.

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Kita dalam proses untuk menyediakan RFP *document Request for Proposal.* Sudah siap itu kita akan *float* kepada *public* lah.

Tuan Wong Kah Woh: *Any targeted timeline or not because as pointed by Chairman just now.* Idea ini sudah mula tahun 2012, *so it's already six years. So, any timeline?*

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Yang Berhormat tetapi kita dapatkan keputusan prinsip pada tahun 2015 Disember, *so* kita akan cuba secepat mungkin Yang Berhormat, secepat mungkin.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Dari segi itu kena tambah lagilah satu lagi projek Mentagor dalam penyelarasan.

Tuan Pengerusi: *Can the jawatankuasa under UKAS yang akan membincangkan tentang penswastan ini share us the legal document ini nanti dengan PAC.*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Kita mungkin ada agreement...*

Tuan Pengerusi: *Setakat mana ya?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Between...*

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: *[Bercakap tanpa pembesar suara] ...Sanitary dan apa itu semua proses pengurusan marina ini akan di govern by that quotation agreement lah Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Okay when do you aspect this when the jangkakan yang you know the legal document boleh siap and then you advertise...*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Macam ini Tuan Pengerusi, biasanya kita putuskan konsep penswastan dulu dan juga cadangan-cadangan terma yang diketuai oleh UKAS. Selepas dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan we'll drafted the legal framework semua.*

Tuan Pengerusi: *Maknanya belum ada lagi. Pada peringkat sekarang ini are you involved already with UKAS on the penswastan?*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: *Dari segi perbincangan.*

Tuan Pengerusi: *Perbincangan dari segi? Mesyuarat sudah ada?*

Encik Muhamad Fadeli bin Abdul Shukor: *Tuan Pengerusi, kena mencelah sedikit Tuan Pengerusi. Okey daripada segi penyediaan dokumen dia yang pertamanya kita akan sediakan document RFP, Request for Proposal iaitu untuk kita float kan untuk tujuan tender tadi. Selepas itu nanti, selepas kita melantik pembida yang berjaya then another process untuk penyediaan concession agreement pula untuk berdasarkan tempoh konsesi. Jadi untuk penyediaan RFP ini saya kena terus terang kepada PAC pada petang ini Ahli Jawatankuasa memang kita tak pernah buat untuk yang ini. Akan tetapi— bukan, tetapi kita ada buat tender yang sebelum ini yang melibatkan model yang hampir sama iaitu asset leasing.*

Okey maksudnya macam contoh kita sudah beritahu yang masa kita tenderkan MITC Convention Centre, kita gunakan dokumen RFP yang lebih kurang sama pasal asset is already created then kita cuma hendak pajakkan sahaja aset itu untuk pihak swasta run and also maintain. Jadi konsepnya lebih kurang sama.

Cuma dalam kes ini ada beberapa keperluan teknikal dokumen yang UKAS perlukan yang sedang disediakan oleh Jabatan Laut iaitu as drawing, list of equipment and something like that.

So jangkakan masa insya-Allah kalau diizinkan saya rasa first quarter of 2019 kita boleh float kan dokumen inilah. Di samping itu kita juga kena melihat difahamkan ada beberapa tambahan yang pada sebelum ini tidak dicadangkan. Pada asalnya kita cuma

bercadang untuk *privatize*-kan dua sahaja iaitu Pulau Indah dan Pulau Tioman. Akan tetapi disebabkan Mentagor, Kerajaan Negeri Perak sudah tak jadi hendak pajak, jadi ia terpaksa masuk ke dalam *list* kami lah untuk di-*privatize*-kan dan termasuk juga yang dimaklumkan tadi Batu Uban. Jadi *insya-Allah* lah kalau semuanya *goes smooth as our plan*, *insya-Allah* mungkin *before first quarter* kita akan *float*-kan dokumen.

Tuan Pengerusi: Itu kalau berlaku maknanya *the first step you punya during procedure about it next year. Meanwhile, meanwhile how do you continue* dengan pengurusan sekarang yang sedang beroperasi ini. Audit kata resit tak betul, rekod tak betul, caj dekat sini lain, dekat sini lain, *how do you going to manage that*. Adakah itu dalam perkiraan MOT?

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Okey, Tuan Pengerusi segala Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan perkara kelemahan-kelemahan, berhubung dengan resitnya, soal ada beberapa perkara yang berbangkit memang itu telah pun diambil tindakan.

Tuan Pengerusi: *So will better this time* lah sementara menunggu itu yang positif itu enam bulan kalau tak *another...*

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Kalau Tuan Pengerusi lihat kepada dari segi status, *dashboard* itu memang yang isunya sekarang hanya itu satu di Marina Muar yang kita sedang *finalize the lands swap* dan yang kedua ialah untuk Pulau Mentagor untuk kita masukkan sebagai satu lagi projek yang untuk diswastakan. *The rests* itu memang *it's our duty bound to inform* dan juga *update* Ketua Audit Negara *from time to time*.

Tuan Pengerusi: Okey, I tengok pun dia tak ada dari segi *management of* kewangan dia tak ada pengurusan.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Itu sudah ini sudah diambil tindakan dan semuanya.

Tuan Pengerusi: Okey ada lagi? I buka kepada pegawai-pegawai, *ex-officio* PAC ini untuk bagi peluang kepada mereka jikalau ada soalan tambahan yang perlu sebelum kita tutup ya.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Okey terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan saya tadi masih kepada *the plan that you have now to privatize because* kita melihat dari segi aspek— sebab kita ada bangkitkan juga dari segi aspek keselamatan *because* bila marina ini dibuka kepada *private to run it and it is also* satu *entry point*. Jadi aspek-aspek dari segi keselamatan, pengkastaman dan sebagainya memang masalah semasa tetapi dengan penswastan itu *I think this area must be really look at* lah.

■1710

I think it should be the first, perkara utama yang perlu kita lihat dahulu sebelum we talk about the RFP dan sebagainya. Because we want to ensure the security of the nation. It can be entry point to lot of things, human trafficking dan lain-lain. Terima kasih.

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat I, Jabatan Peguam Negara]: Tuan Pengerusi. Kalau boleh saya mencelah sedikit. Sebab saya kata tadi selain daripada *hard infrastructure, we had to have the soft infrastructure as well in place* because sekiranya, di swastakan, ia tidak mengubah status marina awam ini. Ia masih lagi sebagai marina awam tetapi diuruskan oleh pihak swasta. Dengan kata lain, sekiranya *currently RM10 charged, so they have to abide by that RM10 charge. So, these are the all things that* yang perlu dilihat serta termasuk *regulatory framework—the regulator* yang akan bertanggungjawab untuk menyelia dan sebagainya. Ini juga perlu dilihat.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Macam saya tadi, kita *open about it*. Sebab kita— sebab itu kita lebih terbuka kepada RFP. Kita hendak lihat dahulu cadangan pihak swasta sama ada mereka hendak mengambil alih sepenuhnya ataupun mereka hendak menguruskan. Kita kena putuskan konsepnya dahulu. Selepas itu, baru kita boleh ubahsuaikan. Umpamanya, kalau kata mereka hanya hendak menguruskan, so dia akan kekal sebagai marina awam ataupun kalau mereka hendak mengambil alih sepenuhnya, so konsepnya akan berubah. Itu satu.

Kedua, ialah berhubung dengan Tuan Haji Khalid bangkitkan tadi ialah isu sekuriti dan sebagainya. Sebab itu, seperti rakan saya Encik Fadeli daripada UKAS sebutkan tadi bahawa pihak swasta yang membuka cadangan di bawah RFP mereka, mereka perlu ambil kira dari segi keperluan keselamatan. Imigresen— *how to build the new infra*. Mereka perlu untuk baiki pontun dan juga elemen-elemen baharu yang mereka hendak masukkan dalam itu. Cuma dalam keadaan dalam masa semasa ini, yang ini Dato' Baharin kena cakap. *How to deal with security, the safety* sekarang ini.

Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan *the way forward* sehingga kita menswastakan, jadi, ia masih akan diuruskan oleh Jabatan Laut. *We have already setup the organization* untuk hendak menguruskan. Mengenai dengan dia punya pengurusan, kita pun telah pun memuktamadkan satu *standard operating procedure* untuk perkara-perkara seperti *the reporting in and the reporting out of the kapal layar. Because* sebelum ini, kita hanya menggunakan tatacara yang kita gunakan untuk kapal-kapal dagang. Akan tetapi, tatacara itu *now* kita *find* tidak sesuai. Ini kerana marina ini dia— bot-bot layar ini mungkin dia masuk ke dalam pelabuhan lepas itu dia *cruise around the* pelabuhan. Dia tidak perlu ada *clearance* dan sebagainya.

So, what we do is kita tetapkan satu kaedah macam mana dia *report in and report out. From the report,* kita boleh tahu bila dia *actually* masuk dan kita boleh kira berapa dia punya *time* dalam *the marina* because *charges are according to time. Per day,* kita *charge*

RM2 per day per meter run of the yacht per day. So, that is how kita uruskanlah. Then, kita sudah formalize-kan the implementation of the SOP. Saya sendiri sudah mengeluarkan arahan pada pengarah-pengarah wilayah yang mana ada marina itu untuk melaksanakan SOP tersebutlah.

Mengenai dengan security arrangement. Like I said just now, I will sit down with custom and immigration to see what is the best arrangement to be made, on the security-lah, bila kapal layar ini masuk dan keluar. Of course, at the moment, we do not have the CIQ ke dekat marina. But I believe we can make arrangement dengan custom, maybe bila the report in— if they haven't cleared at a prior entry point, we will make an arrangement to inform the custom atau immigration kah, and to inform the yachties to go and do the reporting semua dekat the custom and immigration. We will work out a way lah macam mana to work dengan custom and immigration on the security issues lah. Okey.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih banyak. Saya rasa itu terakhir daripada kita. Soalan daripada PAC dan rakan kita *ex officio* daripada Auditor's office dengan AGC's office.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak kepada Datuk Seri KSU Pengangkutan yang memberi masa pada kita untuk hadir di prosiding ini. Pada Dato' Baharin, kepada Dr. Harius, Encik Mohamad dan semua yang hadir, kita yakin bahawa keterangan-keterangan yang diberi ini dapat membantu PAC dalam membuat rumusan terhadap isu pengurusan marina awam yang sedang disiasat oleh PAC dan tentu sekali hasil daripada keterangan hari ini kita akan memanggil beberapa agensi lagi untuk membuat *collaborating statements* supaya kita akan dapat buat rumusan yang lebih baik kepada Parlimen.

Jadi, sekali lagi terima kasih banyak-banyak dan saya ucapkan harap agar kerjasama seperti ini akan terus diadakan bersama dengan PAC di masa-masa akan datang.

Datuk Seri Saripuddin bin Kasim: Saya juga Yang Berhormat bagi pihak rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan juga pada semua Ahli-ahli PAC kerana telah memberi kerjasama kepada kami untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.17 petang]